




LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERAK

SIRI 2



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2013

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PERAK

SIRI 2

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI	
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI	
Pengurusan Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan	3
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK	
Pengurusan Projek Pembangunan Tanah Industri Dan Bandar Baru	18
MAJLIS BANDARAYA IPOH	
MAJLIS DAERAH KERIAN	
Pengurusan Penyenggaraan Sistem Saliran Bandar	33
MAJLIS PERBANDARAN TAIPING	
Pengurusan Zoo Taiping	47
PENUTUP	71



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 serta Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2013 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Perak.
2. Pada tahun 2014 Jabatan Audit Negara akan meneruskan pelaksanaan inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Antirasuah dengan mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentangkan di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang. Jabatan Audit Negara juga akan terus menyokong Dasar Transformasi Negara dan terus membantu Jabatan/Agensi Kerajaan melakukan penambahbaikan bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat dengan memberikan pandangan serta syor melalui pengauditan yang dijalankan. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Perak Tahun 2013 Siri 2 ini akan digunakan sebagai asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan, meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepetimana yang dihasratkan oleh Kerajaan.
3. Laporan saya ini adalah hasil daripada pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti-aktiviti tertentu yang dilaksanakan oleh 6 Jabatan/Agensi Negeri. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan/Agensi Negeri adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya.
4. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Laporan berkenaan juga telah dikemukakan kepada Pejabat Menteri Besar/Setiausaha Kerajaan Negeri Perak. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya

telah mengemukakan sebanyak 8 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Perak yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

28 April 2014



INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI

PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

- Pengurusan Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan

1.1. Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan (Program) adalah salah satu program pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Perak. Program ini adalah di bawah kawalan Pejabat YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di bawah Perkhidmatan Masyarakat Dan Luar Bandar. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) ialah agensi penyelaras Program di peringkat negeri Perak. Pelbagai program dijalankan melalui peruntukan tersebut seperti program Bantuan Rumah, Mikro Kredit, Bantuan Perayaan Miskin Tegar, Bantuan Makanan, Takaful Tabarru' dan Tabung Pendidikan Kaum India. Objektif Program adalah untuk membantu rakyat miskin di negeri Perak. Manakala Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan selaku agen pelaksana menetapkan objektif Program adalah untuk membina upaya masyarakat dan membasmi kemiskinan rakyat di negeri Perak. Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (Yayasan) adalah sebuah entiti bebas dan tidak bermotifkan keuntungan. Ditubuhkan pada 27 Oktober 2009 di bawah Akta Pemegang Amanah, Ordinan 1952. Yayasan ini diilhamkan oleh Y.A.B. Menteri Besar Perak. Yayasan ini ditadbir oleh 6 Ahli Lembaga Pemegang Amanah dan 5 Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

1.2. Bagi tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM51 juta telah diperuntukkan di bawah Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan Negeri. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM42 juta disalurkan terus ke akaun Yayasan bagi program Bantuan Rumah, Bantuan Mikro Kredit, Bantuan Perayaan Miskin Tegar dan Bantuan Makanan. Manakala bakinya berjumlah RM9 juta bagi program Takaful Tabarru' dan Tabung Pendidikan Kaum India adalah di bawah kawalan UPEN.

1.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Februari 2014 mendapati pengurusan Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan adalah baik dengan prestasi perbelanjaan keseluruhan melebihi 100% daripada peruntukan dan memberi manfaat kepada seramai 152,194 penerima. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Kualiti pembinaan rumah yang melibatkan bahan binaan kurang memuaskan.
- 35% gagal meneruskan perniagaan walaupun pinjaman telah diperoleh daripada bantuan skim Mikro Kredit dan 65% peserta tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual.

- Hanya 14% sahaja daripada 100 responden yang terdiri daripada golongan sasar mengetahui tentang Program Takaful Tabarru'.

1.4. Bagi menambah baik dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan terhadap pengurusan Pelbagai Program Pembasian Kemiskinan, agensi pelaksana perlu mengambil langkah sewajarnya mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya beberapa tindakan diambil dengan sewajarnya seperti berikut:

1.4.1. Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan sentiasa memantau Projek Bantuan Rumah dan Mikro Kredit supaya keberkesanan program dapat dipertingkatkan dan matlamat untuk membantu golongan miskin tercapai.

1.4.2. Pihak UPEN perlu menilai semula kaedah hebahan maklumat skim Perlindungan Takaful Tabarru' agar maklumat sampai ke peringkat orang awam bersesuaian dengan slogan Menteri Besar Perak 'Tiada Yang Terpinggir, Tiada Yang Tertinggal'.

2. PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

- Pengurusan Projek Pembangunan Tanah Industri Dan Bandar Baru

2.1. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Perbadanan) ditubuhkan pada tahun 1970 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak Bil. 3 Tahun 1967. Objektif penubuhan Perbadanan adalah sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negeri, pemegang amanah bagi pihak Bumiputera dan bertindak sebagai agensi utama di peringkat negeri untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera.

2.2. Salah satu dari aktiviti Perbadanan ialah memajukan harta tanah sebagai tanah industri dan pembangunan Bandar Baru. Sehingga bulan Mac 2014, terdapat 5 program pembangunan Bandar Baru oleh Perbadanan yang akan berterusan sehingga tahun 2025 berdasarkan kawasan-kawasan pembangunan seperti pembangunan Bandar Meru Raya, Bandar Baru Seri Iskandar, Bandar Behrang 2020, Bandar Baru Tualang Sekah dan pembangunan semula Pekan Kecil yang terdiri daripada pembangunan Pekan Tapah Road, Pekan Kecil Lawin, Manjoi, Trong, Changkat Lada, Ijok, Sauk dan Kuala Kangsar. Selain itu, sehingga kini Perbadanan juga terlibat dalam menguruskan pembangunan bagi 41 tanah industri dengan keseluruhan kawasan seluas 8,053 ekar melibatkan 8 kawasan perindustrian di Hulu Perak, Kerian, Larut Matang dan Selama, Kinta, Perak Hi Tech Park Kinta, Batang Padang, Perak Tengah dan Manjung.

2.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mac 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan projek pembangunan tanah industri dan Bandar Baru Perbadanan adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan seperti berikut:

- Perlaksanaan projek tidak mengikut jadual.
- Projek usahasama tidak dilaksanakan.

- Bayaran projek dan jualan tanah belum selesai.
- Pemaju tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian.
- Pencerobohan tanah yang belum dibangunkan.

2.4. Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan mengikut perancangan serta mencapai objektif yang ditetapkan, Perbadanan perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

2.4.1. Meningkatkan pemantauan terhadap projek-projek yang dilaksanakan secara usahasama dan projek-projek lain yang diuruskan oleh anak syarikat atau oleh *turnkey contractor* supaya mematuhi syarat-syarat perjanjian dan mengambil tindakan sekiranya berlaku perlanggaran syarat-syarat kontrak.

2.4.2. Memastikan semua bayaran jualan tanah industri diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan dan mengenakan denda atas kelewatan bayaran seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

3. MAJLIS BANDARAYA IPOH

MAJLIS DAERAH KERIAN

- Pengurusan Penyenggaraan Sistem Saliran Bandar

3.1. Fungsi utama Bahagian atau Unit Saliran Bandar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah untuk memberi khidmat teknikal daripada aspek saliran bandar bagi mengelak masalah saliran seperti banjir kilat akibat daripada pembangunan tanah. Antara aktiviti utama bahagian atau unit ini adalah merancang, mengenal pasti dan membina projek-projek saliran dan pencegahan banjir seperti longkang utama dan jambatan. Selain itu, unit ini juga menyenggara dan membaiki longkang utama, sistem mencegah banjir serta kolam tadahan.

3.2. Bahagian Saliran Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), bertanggungjawab terhadap saliran bandar yang melibatkan 388 longkang dan 64 kolam tadahan. Di samping itu, Bahagian Saliran MBI juga melaksanakan projek-projek berkaitan pencegahan banjir di seluruh kawasan pentadbirannya. Manakala di Majlis Daerah Kerian (MDK), Unit Saliran Bandar di PBT berkenaan bertanggungjawab terhadap penyenggaraan 137 longkang dan 13 kolam tadahan. Bagi tahun 2011 hingga 2013 kedua-dua PBT telah membelanjakan sejumlah RM46.37 juta atau 97.9% antaranya untuk kerja-kerja penyenggaraan sistem saliran bandar, projek berkaitan pencegahan banjir serta kerja-kerja berkaitan jalan.

3.3. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2013 hingga Mac 2014 mendapati pengurusan penyenggaraan sistem saliran bandar adalah memuaskan. Kedua-dua Majlis telah menyediakan Pelan Induk Saliran Bandar yang lengkap dan komprehensif serta telah membelanjakan hampir keseluruhan peruntukan yang diluluskan bagi tujuan

penyenggaraan sistem saliran bandar bagi tempoh 2011 hingga 2013. Bagaimanapun, penyenggaraan dan aspek keselamatan di kolam tadahan perlu dipertingkatkan kerana terdapat kelemahan seperti berikut:

- Kolam tadahan tidak disenggara/dibersihkan sementara *outlet* untuk air keluar tidak dapat dikesan.
- Keselamatan di kolam tadahan kurang memuaskan, pagar roboh, tidak berkunci dan tiada papan tanda amaran bahaya.

3.4. Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan terhadap pengurusan penyenggaraan sistem saliran bandar, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Kerian adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

3.4.1. Memastikan kontraktor mematuhi sepenuhnya spesifikasi atau skop kerja mengikut kontrak. Kedua-dua PBT perlu menilai semula prestasi kerja dan pelantikan kontraktor pembersihan yang gagal mematuhi syarat-syarat kontrak.

3.4.2. Menjalankan kerja-kerja penyenggaraan kolam tadahan secara berkala terutama apabila hampir musim tengkujuh atau musim hujan berpanjangan dan memasang papan tanda amaran bahaya di kolam tadahan.

4. MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

- Pengurusan Zoo Taiping

4.1. Zoo Taiping dan *Night Safari* Zoo Taiping merupakan satu daripada 8 jabatan yang diurus dan diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Taiping (MPT). Jabatan Zoo telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan urusan dan aktiviti yang diketuai oleh Pengarah Zoo Taiping. Ia merupakan antara 10 ikon pelancongan di negeri Perak dan berperanan dalam memberikan sumbangan kepada aktiviti rekreasi, pembelajaran, pendidikan serta penyelidikan. Misi Zoo Taiping adalah untuk menjadi satu produk pelancongan yang utama di Negeri Perak dan Malaysia amnya dengan menyediakan pameran-pameran haiwan yang ulung dan persekitaran ala alam semula jadi demi mencapai objektif pembelajaran, rekreasi, konservasi, penyelidikan dan latihan. Zoo Taiping atau Taman Mergastua Sultan Idris Shah merupakan satu-satunya zoo yang terletak di Utara Semenanjung Malaysia dan yang tertua di Malaysia ini dirasmikan pada 7 Mac 1964. Zoo Taiping yang berkeluasan 36 ekar telah memulakan pembaharuan dengan memperkenalkan pameran haiwan menggunakan konsep terbuka yang mengutamakan habitat asal haiwan. Zoo Taiping kini menjadi tempat habitat kepada lebih kurang 1,800 ekor haiwan terdiri daripada lebih 140 spesies ikan, burung, reptilia dan mamalia. Ia turut menjalankan program pembiakan dan konservasi hidupan liar dan telah berjaya membiakkan beberapa spesies haiwan. Zoo Taiping juga telah memperkenalkan program 'Safari Malam' atau *Night Safari* yang mempamerkan haiwan-haiwan yang aktif pada waktu malam (nokturnal) dan telah bermula sejak bulan Mac 2003 lagi.

4.2. Pengauditan Zoo ini pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2004. Beberapa kelemahan telah dilaporkan dan pihak Audit telah mengesyorkan beberapa tindakan penambahbaikan yang perlu diambil oleh pihak Zoo Taiping. Antara kelemahan yang dilaporkan ialah rekod pergerakan haiwan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini, rekod pelupusan haiwan tidak diselenggara, bayaran bekalan makanan tidak mengikut harga kontrak dan tidak mengikut kuantiti sebenar. Selain itu, daftar stok perubatan tidak diselenggara, ubat terkawal disimpan di dalam almari tetapi stok tidak direkodkan serta laporan kerosakan kandang dan kemudahan awam hanya dibuat secara lisan dan tiada rekod diselenggara. Berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 2014 ini, didapati masih terdapat isu-isu yang berulang.

4.3. Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2014 mendapati pengurusan Zoo Taiping dari segi promosi dan kedatangan pengunjung adalah memuaskan. Bagaimanapun aspek pengurusan haiwan dan dokumentasi, kemudahan, keselamatan dan pengurusan kewangan di Zoo Taiping adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Dokumentasi program pertukaran dan sumbangan haiwan tidak lengkap dan kemas kini.
- Pembayaran bekalan makanan melebihi had kontrak dan kuantiti dibekalkan kurang daripada yang dibayar.
- Kemudahan infrastruktur zoo dan kemudahan-kemudahan awam tidak disenggara secara berjadual.
- Keselamatan bangunan dan kawasan zoo kurang memuaskan kerana tiada kawalan terhadap kenderaan keluar masuk, pintu belakang tidak dikunci dan tiada pemasangan CCTV.
- Terdapat perbezaan kutipan parkir antara dua sistem dokumentasi yang diselenggara.

4.4. Bagi memastikan pengurusan Zoo Taiping sentiasa berada di tahap yang baik selaras dengan matlamat untuk menjadikan Zoo Taiping sebagai produk pelancongan utama di negeri Perak, Majlis Perbandaran Taiping adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

4.4.1 Mengkaji semula Manual Prosedur Kerja secara menyeluruh bagi meningkatkan pengurusan Zoo Taiping dengan lebih berkesan dalam semua aspek terutamanya aspek pengurusan haiwan, penyediaan infrastruktur zoo dan kemudahan awam.

4.4.2 Meningkatkan kawalan terhadap pembelian makanan haiwan dengan memastikan bayaran dibuat berdasarkan kontrak dan jumlah kuantiti sebenar yang diterima.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

UNIT PERANCANG EKONOMI NEGERI PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI

1. PENGURUSAN PELBAGAI PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan (Program) adalah salah satu program pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Perak. Program ini adalah di bawah kawalan Pejabat YB. Setiausaha Kerajaan Negeri Perak di bawah Perkhidmatan Masyarakat Dan Luar Bandar. Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) ialah agensi penyelaras Program di peringkat negeri Perak. Pelbagai program dijalankan melalui peruntukan tersebut seperti program Bantuan Rumah, Mikro Kredit, Bantuan Perayaan Miskin Tegar, Bantuan Makanan, Takaful Tabarru' dan Tabung Pendidikan Kaum India. Objektif Program adalah untuk membantu rakyat miskin di negeri Perak. Manakala Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan selaku agen pelaksana menetapkan objektif Program adalah untuk membina upaya masyarakat dan membasmi kemiskinan rakyat di negeri Perak. Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan (Yayasan) adalah sebuah entiti bebas dan tidak bermotifkan keuntungan. Ditubuhkan pada 27 Oktober 2009 di bawah Akta Pemegang Amanah, Ordinan 1952. Yayasan ini diilhamkan oleh Y.A.B. Menteri Besar Perak. Yayasan ini ditadbir oleh 6 Ahli Lembaga Pemegang Amanah dan 5 Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh Exco Pembangunan Luar Bandar, Perladangan, Pertanian, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

1.1.2. Unit Perancang Ekonomi (*EPU*) Jabatan Perdana Menteri telah mengeluarkan Panduan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) Mengikut Wilayah Tahun 2012 yang digunakan oleh UPEN sebagai asas untuk mengkategorikan golongan miskin dan miskin tegar di negeri Perak. Panduan PGK Tahun 2012 menggantikan PGK 2009 mulai 1 Jun 2013. Mengikut PGK 2012, pendapatan golongan miskin bagi isi rumah di Semenanjung Malaysia ialah RM830, Bandar RM840 dan Luar Bandar RM790. Manakala pendapatan isi rumah bagi kategori miskin tegar di Semenanjung Malaysia ialah RM520. Selain itu, terdapat juga Laporan Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah 2012 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia merekodkan seramai 327,300 isi rumah di negeri Perak berpendapatan di bawah RM3,050 sebulan.

1.1.3. Golongan miskin dan miskin tegar direkodkan dalam senarai eKasih yang diselaraskan oleh Pejabat Pembangunan Negeri. Di peringkat daerah senarai golongan miskin yang layak didaftarkan dalam eKasih terlebih dahulu dibincangkan dalam Mesyuarat Jawatan Kuasa *Focus Individual Countdown*. Jawatankuasa ini terdiri daripada agensi-

agensi Kerajaan peringkat pelaksana yang dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pegawai Daerah. Mesyuarat ini membincangkan peserta eKasih yang boleh dikeluarkan daripada senarai tersebut dalam proses pemutihan berasaskan peningkatan pendapatan mereka. Kedua-dua senarai peserta yang baru dan terkeluar daripada eKasih dibawa ke Mesyuarat *Focus Group* Daerah (FGD) yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah atau Ketua Penolong Pegawai Daerah bagi Pentadbiran Daerah Kecil. Keahlian mesyuarat FGD terdiri daripada ketua jabatan pelbagai agensi termasuk wakil daripada Yayasan. Mesyuarat tersebut memutuskan senarai eKasih di peringkat daerah untuk didaftarkan dalam sistem senarai eKasih secara *online*. Mengikut rekod yang diperoleh dari Pejabat Pembangunan Negeri sehingga 31 Disember 2013, terdapat seramai 36,508 telah didaftarkan dalam eKasih. Daripada jumlah tersebut seramai 19,893 telah terkeluar daripada senarai tersebut dan bakinya seramai 16,615 masih didaftarkan dalam eKasih sebagai golongan miskin yang terdiri daripada 1,187 miskin tegar, 7,836 miskin dan 7,592 mudah miskin.

1.1.4. Daripada aspek peruntukan, mulai tahun 2011 Kerajaan Negeri telah menyalurkan terus peruntukan Program kepada Yayasan untuk melaksanakan 4 program terdiri daripada program Bantuan Rumah, Bantuan Mikro Kredit, Bantuan Perayaan Miskin Tegar dan Bantuan Makanan. Mandat untuk Yayasan melaksanakan Program tersebut dinyatakan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 0230/19/1/2011. Sementara 2 program lagi terdiri daripada Takaful Tabarru' dan Tabung Pendidikan Kaum India di bawah kawalan UPEN. Pada tahun 2011 dan 2012 kesemua peruntukan Program dikreditkan ke akaun Yayasan pada awal tahun. Manakala pada tahun 2013 pula, peruntukan Program dikreditkan ke akaun Yayasan sebanyak 25% daripada jumlah keseluruhan setiap suku tahun iaitu pada bulan Januari, April, Julai dan September.

1.1.5. Bagi tahun 2011 hingga 2013, sejumlah RM51 juta telah diperuntukkan di bawah Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan Negeri. Daripada peruntukan tersebut, sejumlah RM42 juta disalurkan terus ke akaun Yayasan bagi program Bantuan Rumah, Bantuan Mikro Kredit, Bantuan Perayaan Miskin Tegar dan Bantuan Makanan. Manakala bakinya berjumlah RM9 juta bagi program Takaful Tabarru' dan Tabung Pendidikan Kaum India adalah di bawah kawalan UPEN.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan dilaksanakan secara cekap dan berkesan dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pelaksanaan Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan bagi tahun 2011 hingga 2013 di 4 buah daerah iaitu Daerah Hulu Perak, Larut Matang Selama, Kerian dan Hilir Perak. Pengauditan tertumpu kepada 4 program iaitu program Bantuan Rumah, Bantuan Mikro Kredit, Bantuan Makanan dan Takaful Tabarru'. Temu bual dengan

pegawai yang terlibat serta lawatan ke lokasi penerima bantuan turut dijalankan. Soal selidik mengenai kepuasan pelanggan turut dijalankan kepada penerima bantuan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Januari hingga Februari 2014 mendapati pengurusan Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan adalah baik dengan prestasi perbelanjaan keseluruhan melebihi 100% daripada peruntukan dan memberi manfaat kepada seramai 152,194 penerima. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian seperti berikut:

- Kualiti pembinaan rumah yang melibatkan bahan binaan kurang memuaskan.
- 35% gagal meneruskan perniagaan walaupun pinjaman telah diperoleh daripada bantuan skim Mikro Kredit dan 65% peserta tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual.
- Hanya 14% sahaja daripada 100 responden yang terdiri daripada golongan sasar mengetahui tentang Program Takaful Tabarru'.

1.4.1. Prestasi Program

1.4.1.1. Prestasi Perbelanjaan Keseluruhan Program

Bagi tahun 2011 hingga 2013 sejumlah RM51 juta telah diperuntukkan kepada 6 program. Perbelanjaan bagi tempoh 3 tahun untuk program ini adalah berjumlah RM51.21 juta. Ini bermakna prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan bagi tempoh 3 tahun tersebut ialah 100.4%. Perbelanjaan melebihi peruntukan ini adalah bagi program Mikro Kredit kerana melibatkan tambahan daripada tabungan Yayasan berjumlah RM2.41 juta. Butiran peruntukan dan perbelanjaan Program bagi tahun 2011 hingga 2013 masing-masing adalah seperti di **Jadual 1.1** dan **Jadual 1.2**.

Jadual 1.1
Peruntukan Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan

Tahun	Agihan Peruntukan (RM Juta)						Jumlah (RM Juta)
	Bantuan Rumah	Bantuan Mikro Kredit	Bantuan Perayaan Miskin Tegar	Bantuan Makanan	Takaful Tabarru'	Tabung Pendidikan Kaum India	
2011	4.0	4.0	1.0	4.0	-	1.0	14.0
2012	4.0	4.0	1.0	5.0	4.0	1.0	19.0
2013	5.0	4.0	1.0	5.0	2.0	1.0	18.0
Jumlah	13.0	12.0	3.0	14.0	6.0	3.0	51.0

Sumber: UPEN

Nota: Tiada peruntukan P02 untuk Takaful Tabarru' Tahun 2011 (peruntukan di bawah PKN)

Jadual 1.2
Perbelanjaan Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan

Tahun	Perbelanjaan (RM Juta)						Jumlah (RM Juta)
	Bantuan Rumah	Bantuan Mikro Kredit	Bantuan Perayaan Miskin Tegar	Bantuan Makanan	Takaful Tabarru'	Tabung Pendidikan Kaum India	
2011	5.09	6.44*	0.61	4.00	0.34	0.96	19.88
2012	4.78	5.30*	1.00	4.98	0.41	0.99	20.03
2013	3.81	2.67*	0.89	3.76	0.46	1.00	11.30
Jumlah	13.68	14.41*	2.50	12.74	1.21	2.95	51.21

Sumber: UPEN dan Yayasan

Nota: * Perbelanjaan ini termasuk sumber tabungan Yayasan.

1.4.1.2. Prestasi Perbelanjaan 4 Program

Prestasi perbelanjaan berbanding peruntukan untuk tempoh 3 tahun bagi 4 program yang diaudit ialah 93.4%. Bagaimanapun, prestasi perbelanjaan untuk tempoh yang sama berbanding peruntukan mengikut program ialah 105.2% bagi program Bantuan Rumah, 120.1% bagi bantuan Mikro Kredit, 91% Bantuan Makanan dan 20.2% bagi program Takaful Tabarru'. Pihak Audit dimaklumkan bahawa prestasi perbelanjaan bagi program Bantuan Makanan tidak mencapai 100% kerana perbelanjaan adalah setakat 31 Disember 2013 dan bakinya pula dibelanjakan pada tahun 2014. Laporan perbelanjaan yang dikemukakan kepada pihak Audit adalah pada awal Januari 2014. Perbelanjaan program Takaful Tabarru' pula bergantung kepada tuntutan oleh keluarga peserta jika berlaku kematian. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.3**.

Jadual 1.3
Prestasi Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Jenis Bantuan	Peruntukan (RM Juta)				Perbelanjaan (RM Juta)				% Belanja
	2011	2012	2013	Jumlah	2011	2012	2013	Jumlah	
Bantuan Rumah	4.0	4.0	5.0	13.0	5.09	4.78	3.81	13.68	105.2
Mikro Kredit	4.0	4.0	4.0	12.0	6.44	5.30	2.67	14.41	120.1
Bantuan Makanan	4.0	5.0	5.0	14.0	4.00	4.98	3.76	12.74	91.0
Takaful Tabarru'	-	4.0	5.0	6.0	0.34	0.41	0.46	1.21	20.2
Jumlah	12.0	17.0	19.0	45.0	15.87	15.47	10.7	42.04	93.4

Sumber: UPEN dan Yayasan

Nota: Tiada peruntukan Takaful Tabarru' Tahun 2011

1.4.1.3. Prestasi Penerima Bantuan

Secara keseluruhannya bagi tahun 2011 hingga 2013, bilangan penerima bantuan yang mendapat manfaat daripada 4 program ini adalah seramai 152,194. Bilangan penerima mengikut program ialah 998 bagi program Bantuan Rumah, 1,682 bagi program Mikro Kredit, 148,786 program Bantuan Makanan dan 728 orang telah menuntut bayaran Takaful Tabarru'. Peratus penerima bantuan paling tinggi adalah bagi program Bantuan Makanan yang melibatkan seramai 148,786 orang atau 97.76% penerima. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.4**.

Jadual 1.4

Bilangan Penerima Bantuan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Jenis Bantuan	Bilangan Penerima Mengikut Tahun				% Penerima Bantuan
	2011	2012	2013	Jumlah	
Bantuan Rumah	246	268	484	998	0.66
Mikro Kredit	770	398	514	1,682	1.11
Bantuan Makanan	45,000	57,111	46,675	148,786	97.76
Takaful Tabarru'	114	223	391	728	0.48
Jumlah	46,130	58,000	48,064	152,194	100

Sumber: Yayasan

1.4.1.4. Mengikut maklum balas UPEN bertarikh 25 Mac 2014, ulasan terhadap prestasi perbelanjaan program ialah:

- a. Lebihan perbelanjaan berjumlah RM0.68 juta ditampung daripada sumbangan korporat Yayasan.
- b. Secara keseluruhan perbelanjaan mikro kredit hanya 94% iaitu peruntukan bermula pada tahun 2010 sehingga 2013 berjumlah RM16 juta dan dibelanjakan berjumlah RM15.11 juta. Perbelanjaan ini setelah mengambil kira baki peruntukan pada tahun 2010 berjumlah RM3.29 juta yang dibawa ke hadapan dan dibelanjakan pada tahun 2011 dan 2012. Bagaimanapun, baki peruntukan pada tahun 2013 berjumlah RM0.88 juta yang dibelanjakan pada bulan Januari dan Februari 2014 (jumlah pinjaman diberikan adalah RM0.40 juta) tidak diambil kira dalam peratusan tersebut.
- c. Terdapat baki peruntukan bantuan makanan berjumlah RM1.24 juta pada akhir tahun 2013 kerana tiada saluran (agihan) bantuan makanan dilaksanakan pada bulan April dan Mei 2013 (anggaran perbelanjaan RM0.76 juta) disebabkan Pilihan Raya Umum 13 (PRU 13). Selain itu, terdapat penjimatan kos pada tahun 2013 berjumlah RM0.38 juta (46,675 kotak x RM8) berikutan kos barang makanan setiap kotak dapat dikurangkan daripada RM88 kepada RM80 setiap kotak. Baki peruntukan ini dapat dinikmati oleh Yayasan untuk digunakan (telah dibelanjakan) pada tahun 2014 bagi saluran (agihan) pada bulan Januari dan Februari 2014.

Pada pendapat Audit prestasi perbelanjaan keseluruhan program bagi tempoh 3 tahun adalah baik kerana peruntukan telah dibelanjakan mengikut matlamat Program.

1.4.2. Pelaksanaan Program

1.4.2.1. Program Bantuan Rumah

- a. Program Bantuan Rumah terbahagi kepada 2 kategori iaitu bina rumah baru dan baik pulih rumah. Bantuan bina rumah baru pula terdiri daripada 3 kategori iaitu rumah 3

bilik, 2 bilik dan 1 bilik masing-masing bernilai RM35,000, RM30,000 dan RM25,000. Bagi bantuan baik pulih rumah, nilai bantuan maksimum bagi sebuah rumah ialah RM15,000 namun tertakluk kepada keadaan kerosakan rumah tersebut. Golongan sasar yang layak menerima bantuan rumah adalah terdiri daripada golongan miskin tegar yang tidak mempunyai pekerjaan tetap, ibu tunggal yang mempunyai rumah bersaiz kecil dan mempunyai bilangan tanggungan yang ramai, golongan orang kurang upaya (OKU) dan miskin mengejut bila mana pemohon telah ditimpa bencana alam.

- b. Semakan Audit terhadap 40 dokumen penerima bantuan rumah mendapati kesemua penerima bantuan memenuhi syarat program tersebut. Daripada 40 penerima bantuan, 3 daripadanya adalah rumah mangsa kebakaran dan 37 yang lain terdiri daripada mereka yang bekerja sendiri seperti kerja kampung, mengambil upah menoreh getah, nelayan berpendapatan bulanan yang kurang daripada RM700 sebulan serta rumah dalam keadaan yang usang dan tidak selamat diduduki seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.3**. Lawatan Audit ke Daerah Larut Matang Dan Selama pada 6 Februari 2014 dan Daerah Hilir Perak pada 18 Februari 2014 mendapati rumah yang baru dibina dengan baik dan mematuhi spesifikasi seperti di **Gambar 1.2** dan **Gambar 1.4**.

Gambar 1.1
Keadaan Rumah Lama



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Larut Matang Selama
Tarikh: 6 Februari 2014

Gambar 1.2
Rumah Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Larut Matang Selama
Tarikh: 6 Februari 2014

Gambar 1.3
Keadaan Rumah Lama



Sumber: YBUDR
Lokasi: Daerah Hilir Perak
Tarikh: 18 September 2012

Gambar 1.4
Rumah Baru



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Hilir Perak
Tarikh: 12 Februari 2014

i. Kualiti Binaan Dan Baik Pulih

Pihak Audit juga meninjau ke lokasi rumah yang dibina dan dibaik pulih bagi memastikan spesifikasi kerja dipatuhi bagi ruang bilik tidur, ruang tamu, dapur, siling, bilik air dan tandas. Juga pemasangan paip air dan pendawaian elektrik dalaman serta bahan yang digunakan adalah bersesuaian. Lawatan Audit mendapati 2 daripada 20 buah rumah yang baru dibina dan sebuah daripada 20 buah rumah yang dibaik pulih tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan dalam surat tawaran. Begitu juga bahan binaan yang digunakan tidak berpatut dengan kos yang dibayar kepada kontraktor berkenaan. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut:

- **Bina Rumah Baru**

Terdapat 2 buah rumah dengan kos setiap satu bernilai RM35,000 yang dibina pada tahun 2011. Satu daripadanya tidak dipasang paip air dan kayu pengikat siling lekang manakala sebuah lagi tidak dipasang dengan siling, retak di bahagian dalam bangunan dan siling plaster tidak dipasang kemas seperti di **Gambar 1.5** hingga **Gambar 1.8**.

Gambar 1.5
Siling Tidak Dipasang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Larut Matang Selama
Tarikh: 6 Februari 2014

Gambar 1.6
Retakan Di Bahagian Dalam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Larut Matang Selama
Tarikh: 6 Februari 2014

Gambar 1.7
Retakan Di Bahagian Dalam



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Hulu Perak
Tarikh: 19 Februari 2014

Gambar 1.8
Siling Plaster Tidak Kemas



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Hulu Perak
Tarikh: 19 Februari 2014

- **Baik Pulih Rumah**

Pemeriksaan Audit mendapati bahagian dinding dapur sebuah rumah yang dibaik pulih adalah kepingan asbestos seperti di **Gambar 1.9** dan **Gambar 1.10** melibatkan kos sejumlah RM9,900. Melalui temu bual dengan penerima tersebut, pihak Audit dimaklumkan bahawa air memasuki bahagian dapur apabila hujan lebat. Semakan Audit selanjutnya terhadap dokumen sebutharga mendapati keterangan butiran dalam dokumen tersebut terlalu umum, iaitu dicatat dengan perkataan membaik pulih dinding rumah tanpa menyatakan jenis bahan yang digunakan untuk membina dinding bahagian dapur tersebut. Selain daripada itu, pihak Audit mendapati sebuah rumah yang dibaik pulih dengan kos berjumlah RM14,900 tidak menepati kehendak butiran kerja sebutharga yang dikeluarkan oleh pihak Yayasan. Lawatan tapak oleh pihak Audit bersama pegawai Yayasan mendapati kerja baik pulih rumah hanya dibuat di bahagian bumbung sedangkan mengikut butiran kerja

pihak kontraktor perlu membina dinding bagi ruangan dapur dan membina lantai seperti di **Gambar 1.11** dan **Gambar 1.12**.

Gambar 1.9
Dinding Kepingan Asbestos



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Larut Matang Selama
Tarikh: 6 Februari 2014

Gambar 1.10
Air Masuk Melalui Bawah Dinding



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Larut Matang Selama
Tarikh: 6 Februari 2014

Gambar 1.11
Baik Pulih Bumbung Bahagian Hadapan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Hilir Perak
Tarikh: 12 Februari 2014

Gambar 1.12
Baik Pulih Bumbung Bahagian Belakang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Hilir Perak
Tarikh: 12 Februari 2014

c. **Mengikut maklum balas UPEN bertarikh 25 Mac 2014 dan 8 Mei 2014, berikut adalah ulasan terhadap pelaksanaan program bantuan rumah iaitu:**

- i. **Berdasarkan teguran Audit, pihak Yayasan telah memanggil kontraktor asal untuk membuat kerja-kerja penyambungan paip air di sebuah rumah baru tersebut dan selesai dibuat pada 9 Mac 2014.**
- ii. **Pihak Yayasan bersama kontraktor telah membuat satu lawatan tapak pada 31 Mac 2014 untuk mengenal pasti kecacatan rumah seperti yang dilaporkan dalam laporan kajian Audit. Kerja-kerja pembaikan sedang berjalan dan dijangka siap pada pertengahan bulan Mei 2014.**

Pada pendapat Audit, pelaksanaan Program Bantuan Rumah adalah memuaskan. Bagaimanapun, aspek kualiti dan spesifikasi binaan perlu diberi perhatian oleh pihak pelaksana agar penerima bantuan dapat menikmati kehidupan yang selesa.

1.4.2.2. Bantuan Mikro Kredit

- a. Pelaksanaan Program Bantuan Mikro Kredit ini berkonsepkan syariah bertujuan untuk mewujudkan mekanisme bagi meningkatkan pendapatan, melahirkan golongan yang berpengetahuan dalam bidang keusahawanan, menyalurkan bimbingan keusahawanan dan juga sebagai jaringan perniagaan serta mengurangkan jurang kemiskinan antara penduduk negeri Perak. Program ini menggunakan pakai pendekatan Strategi Lautan Biru atau “*Blue Ocean Strategy*” iaitu pembiayaan yang diberikan tidak bertindih dengan agensi lain dan pemohon tidak mendapat bantuan daripada agensi lain. Jenis pembiayaan yang ditawarkan adalah Skim Iktisad Upaya, Transformasi Kedai Runcit, Skim Mikrokredit Amanjaya Belia Niaga dan Skim Kluster Ekonomi Keluarga. Golongan sasar yang layak mendapat kemudahan pinjaman ini adalah terdiri daripada golongan miskin. Namun, pihak Yayasan turut mempertimbangkan permohonan daripada kalangan usahawan yang mempunyai kesungguhan dan berpotensi untuk maju tetapi kekurangan modal untuk mengembangkan perniagaan mereka.

**Gambar 1.13
Perusahaan Ikan Kering**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Krian
Tarikh: 27 Januari 2014

**Gambar 1.14
Perusahaan Cili Boh**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Krian
Tarikh: 28 Januari 2014

- b. Semakan Audit terhadap 60 dokumen peserta di 4 daerah mendapati kesemua peserta adalah layak untuk mendapat skim tersebut mengikut kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Yayasan. Seramai 39 daripada 60 peserta atau 65% masih menjalankan perniagaan malahan sebahagiannya telah berjaya meningkatkan taraf hidup masing-masing. Bagaimanapun, 21 peserta atau 35% tidak dapat meneruskan perusahaan dan perniagaan masing-masing disebabkan tiada perancangan yang jelas untuk menjalankan perniagaan, adanya persaingan perniagaan di kalangan mereka serta tidak mempunyai kemahiran dan bimbingan yang secukupnya. Terdapat peserta yang beralih kepada perniagaan dan pekerjaan yang lain. Lawatan

Audit mendapati ada peserta masih meneruskan aktiviti perusahaan seperti di **Gambar 1.13** dan **Gambar 1.14** manakala terdapat juga peserta yang tidak berjaya dan telah berhenti berniaga seperti di **Gambar 1.15** dan **Gambar 1.16**.

Gambar 1.15
Premis Jahitan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Kerian
Tarikh: 28 Januari 2014

Gambar 1.16
Gerai Buah



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Daerah Hulu Perak
Tarikh: 19 Februari 2014

- c. Bayaran balik pinjaman Program Mikro Kredit hendaklah dijelaskan oleh peserta kepada pihak Yayasan mengikut surat perjanjian yang dipersetujui bersama. Jumlah keseluruhan yang patut dibayar sehingga tahun 2013 adalah berjumlah RM7.27 juta. Bagaimanapun, bayaran balik yang diterima sehingga 31 Disember 2013 adalah berjumlah RM3.22 juta.
- d. Semakan Audit terhadap prestasi bayaran balik pinjaman bagi 60 sampel Audit menunjukkan 13 daripada 60 peserta (21.7%) telah membuat bayaran mengikut tempoh ditetapkan, 8 peserta (13.3%) tidak pernah membuat bayaran dan 39 peserta (65%) ada membuat pembayaran tetapi masih lagi tertunggak. Semakan lanjut menunjukkan pihak Yayasan ada menghantar notis kepada peminjam untuk membayar tunggakan.
- e. **Mengikut maklum balas UPEN dan Yayasan bertarikh 25 Mac 2014 dan 8 Mei 2014, Pihak Yayasan telah menghantar notis peringatan kepada 2,130 peminjam yang tertunggak (melebihi satu bulan tunggakan) pada bulan Februari hingga Mac 2014. Hasil penghantaran notis tersebut, seramai 675 peminjam telah memberi maklum balas dengan membuat pembayaran kepada Yayasan sejumlah RM215,315. Bagaimanapun, peminjam yang masih ingkar selepas 3 kali notis dikeluarkan, Notice Of Demand (NOD) akan dikeluarkan oleh Yayasan. Sekiranya peminjam masih tidak lagi membuat pembayaran NOD daripada peguam pula akan diberi dan akhirnya tindakan mahkamah akan dikenakan kepada peminjam jika peminjam masih lagi ingkar.**

Pada pendapat Audit pelaksanaan program Bantuan Mikro Kredit adalah kurang memuaskan kerana 35% peserta gagal dalam perniagaan dan 65% peserta tidak membuat bayaran balik pinjaman mengikut jadual.

1.4.2.3. Bantuan Makanan Bulanan

- a. Program Bantuan Makanan Bulanan dilaksanakan oleh Yayasan bertujuan untuk membantu meringankan bebanan golongan miskin supaya mendapat makanan yang seujarnya. Setiap penerima layak mendapat satu kotak bantuan makanan yang mengandungi pelbagai jenis makanan asasi seperti beras, tepung, kicap, minyak masak, gula, susu cair, milo dan mi yang bernilai RM100. Kotak makanan tersebut diagihkan secara bergilir di kalangan penerima yang layak mengikut kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) kerana bilangan kotak yang terhad. Senarai nama penerima tersebut diterima oleh pihak Yayasan melalui ketua kampung atau wakil DUN mengikut DUN masing-masing. Secara purata setiap bulan sebanyak 80 kotak makanan diagihkan kepada penerima di setiap DUN. Mengikut rekod Yayasan, sebanyak 4,720 kotak makanan diagihkan setiap bulan kepada penerima di 59 DUN di Negeri Perak.
- b. Semakan Audit terhadap 250 penerima bantuan di kawasan DUN Kota Tampan Daerah Lenggong, DUN Pokok Asam dan Kamunting di Daerah Taiping mendapati sebanyak 18.4% penerima berpendapatan lebih daripada RM790 tetapi kurang daripada RM900, 36.4% kurang RM790 dan 45.2% berpendapatan kurang daripada RM530. Butiran selanjutnya adalah seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5

Sampel Bilangan Penerima Bantuan Berasaskan Pendapatan Isi Rumah

Daerah/ Daerah Kecil	DUN	Nama Penempatan	Pendapatan Penerima Bantuan (RM)			Jumlah
			790 ke atas	790 ke bawah	530 ke bawah	
Lenggong	N4 Kota Tampan	Kg. Teluk Batu	1	0	7	8
Larut Matang Selama	N16 Kamunting	Kg. Setia	19	15	14	48
		Kg. Pinang	2	7	0	9
		Tmn. Saujana 2	0	1	1	2
		Kg. Jana (S)	1	0	0	1
		Kg. Baru	7	25	30	62
		Kamunting (T)	5	13	6	24
		Tmn. Desa Jana	1	2	2	5
		Kg. Bahagia	0	7	17	24
		Kamunting(P)	9	11	30	50
	N17 Pokok Asam	Kg. Aman	1	2	2	5
		Kg. Pokok Pinang	0	6	2	8
		Kg. Tekah	0	2	2	4
Jumlah		13	46	91	113	250
% Pendapatan			18.4	36.4	45.2	100.0

Sumber: Pusat Khidmat Masyarakat DUN Kamunting, Pejabat Bahagian UMNO Lenggong dan Taiping


- c. Lawatan Audit ke Daerah Taiping, Gerik dan Lenggong mendapati kesemua 15 penerima bantuan yang ditemui adalah layak berdasarkan status penerima iaitu ibu atau bapa tunggal, umur, pendapatan dan tanggungan serta keadaan tempat tinggal.
- d. **Mengikut maklum balas UPEN bertarikh 25 Mac 2014, kelayakan penerima bantuan bukan hanya terdiri daripada golongan eKasih tetapi termasuk juga golongan bawahan.**

Pada pendapat Audit pelaksanaan Program Bantuan Makanan Bulanan adalah baik kerana penerima bantuan mengikut syarat yang ditetapkan.

1.4.2.4. Program Perlindungan Takaful Tabarru'

- a. Program Perlindungan Takaful Tabarru' (PPTT) mula dilancarkan pada 1 Ogos 2010 bertujuan memberikan bantuan khairat kematian kepada waris peserta Program ini. Pada peringkat awal, program ini dilaksanakan oleh Malaysia Alliance Assurance (MAA) dan Etika Takaful Berhad sebagai pengendali Skim Takaful Tabarru' Berkelompok (Skim) yang dilantik oleh Kerajaan Negeri. Bagaimanapun, syarikat ini ditamatkan perkhidmatan mereka mulai 1 Ogos 2012 dan PPTT dikendalikan sendiri oleh Kerajaan Negeri melalui UPEN dan Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT). Mulai bulan Januari 2013 bantuan khairat kematian bernilai RM1,000 diberikan kepada waris peserta Program Perlindungan Takaful Tabarru' berbanding RM2,000 sebelumnya. Berdasarkan Garis Panduan kumpulan sasar yang layak mendaftar adalah terdiri daripada penerima bantuan bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), OKU berdaftar dengan JKM, penerima bantuan bulanan Baitulmal, ketua isi rumah (KIR) yang berdaftar dengan eKasih, Miskin Tegar, warga tua miskin tegar yang tinggal sendiri, warga emas 60 tahun ke atas yang tiada pendapatan, pesara tentera, polis dan guru, imam, paderi dan sami, ketua kampung dan ketua kampung baru serta penerima bantuan PERKESO.
- b. Mengikut rekod UPEN sehingga tahun 2013, seramai 72,541 telah mendaftar untuk menyertai Program Perlindungan Takaful Tabarru' ini yang melibatkan semua daerah di Negeri Perak. Daripada jumlah peserta berdaftar tersebut seramai 728 ahli keluarga telah menuntut wang takaful dengan nilai tuntutan keseluruhan berjumlah RM1.2 juta. Jabatan Audit telah menjalankan kaji selidik awam bertujuan mendapatkan maklum balas mengenai tahap pengetahuan golongan sasar tentang Program ini. Antara kandungan soal selidik tersebut adalah mendapatkan maklum balas responden sama ada mereka mengetahui berkaitan Program Perlindungan Takaful Tabarru' dan juga telah mendaftar dalam Program tersebut. Sebanyak 101 borang soal selidik diedarkan kepada responden yang terdiri daripada penerima bantuan program bina dan baiki rumah, mikro kredit dan bantuan makanan bulanan di Daerah Kerian, Larut Matang Selama, Hilir Perak dan Hulu Perak. Kesemua borang soal selidik tersebut telah diisi dan dikembalikan kepada pihak Audit. Parameter yang diguna pakai bagi jenis maklumat yang diterima ialah tahu dan mendaftar. Hasil

maklum balas soal selidik tersebut pihak Audit mendapati hanya 14 atau 14% responden mengetahui Program ini manakala 87 atau 86% responden tidak mengetahui mengenainya. Daripada 14 responden yang mengetahui didapati hanya seorang atau 1% mendaftar menjadi peserta. Ini menunjukkan maklumat mengenai pelaksanaan Program ini yang dilancarkan pada tahun 2010 tidak sampai kepada kumpulan sasar walaupun telah dihebahkan kepada semua pentadbiran daerah. Penjelasan selanjutnya seperti di **Carta 1.1** dan **Carta 1.2**.



- c. Akaun Amanah Program Perlindungan Takaful Kerajaan Negeri Perak (Akaun Amanah) telah diwujudkan pada tahun 2010 bertujuan untuk memperakaunkan terimaan dan perbelanjaan pengurusan khairat kematian di bawah Program Perlindungan Takaful Negeri Perak. Mengikut perenggan 3 Arahan Akaun Amanah, “wang yang akan diterima untuk Akaun Amanah ini merupakan peruntukan daripada Kerajaan Negeri dan wang kutipan pampasan khairat kematian daripada syarikat terlibat”. Perenggan 4 dalam arahan yang sama menyatakan “pembayaran yang dibuat menggunakan Akaun Amanah ini adalah untuk tujuan bayaran polisi peserta kepada syarikat takaful dan bayaran khairat kematian kepada waris pemegang polisi”. Baki Akaun Amanah ini pada akhir tahun 2013 adalah bernilai RM558,860 dan tiada transaksi terimaan daripada peruntukan Kerajaan Negeri sejak tahun 2012 kerana perkhidmatan pengendali polisi telah ditamatkan manakala transaksi perbelanjaan tuntutan waris peserta Program Perlindungan Takaful Tabarru’ dibayar daripada peruntukan Pembangunan.
- d. **Mengikut maklum balas UPEN bertarikh 25 Mac 2014 dan 9 Mei 2014, berikut adalah ulasan terhadap prestasi pelaksanaan Program Perlindungan Takaful Tabarru’ iaitu:**
 - i. **Sebagai langkah penyelesaian ke atas Akaun Amanah Program Perlindungan Takaful Tabarru’ yang tidak aktif kerana pengendali polisi telah ditamatkan, pihak UPEN mencadangkan supaya peruntukan RM3 juta setahun oleh Kerajaan Negeri dikreditkan ke Akaun Amanah tersebut dan**

tidak lagi diletakkan di bawah koding P.02 memandangkan Program Perlindungan Takaful Tabarru' ini tidak berkaitan dengan projek pembangunan. Dengan kaedah ini Akaun Amanah berkenaan akan aktif semula dan menepati tujuan asal penubuhannya.

- ii. Di antara pendekatan yang diambil adalah hebahan melalui Radio Perak FM dan program turun padang ke seluruh daerah Negeri Perak dengan memberi taklimat kepada Penghulu dan Ketua Kampung. Pihak UPEN telah mengadakan sesi taklimat di daerah Perak Tengah pada 23 Januari 2014 dan daerah Hulu Perak pada 21 Mac 2014.

Pada pendapat Audit pelaksanaan Program Perlindungan Takaful Tabarru' adalah baik. Namun, ia perlu diperhebahkan agar maklumat yang sepatutnya berkaitan Program Perlindungan Takaful Tabarru' ini sampai ke pengetahuan golongan sasar.

1.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik dan meningkatkan kecekapan serta keberkesanan terhadap pengurusan Pelbagai Program Pembasmian Kemiskinan, agensi pelaksana perlu mengambil langkah sewajarnya mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya beberapa tindakan diambil dengan sewajarnya seperti berikut:

1.5.1. Yayasan Bina Upaya Darul Ridzuan sentiasa memantau Projek Bantuan Rumah dan Mikro Kredit supaya keberkesanan program dapat dipertingkatkan dan matlamat untuk membantu golongan miskin tercapai.

1.5.2. Pihak UPEN perlu menilai semula kaedah hebahan maklumat skim Perlindungan Takaful Tabarru' agar maklumat sampai ke peringkat orang awam bersesuaian dengan slogan Menteri Besar Perak 'Tiada Yang Terpinggir, Tiada Yang Tertinggal'.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI PERAK

2. PENGURUSAN PROJEK PEMBANGUNAN TANAH INDUSTRI DAN BANDAR BARU

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Perbadanan Kemajuan Negeri Perak (Perbadanan) ditubuhkan pada tahun 1970 di bawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Perak Bil. 3 Tahun 1967. Objektif penubuhan Perbadanan adalah sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negeri, pemegang amanah bagi pihak Bumiputera dan bertindak sebagai agensi utama di peringkat negeri untuk membangunkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera.

2.1.2. Salah satu dari aktiviti Perbadanan ialah memajukan harta tanah sebagai tanah industri dan pembangunan Bandar Baru. Sehingga bulan Mac 2014, terdapat 5 program pembangunan Bandar Baru oleh Perbadanan yang akan berterusan sehingga tahun 2025 berdasarkan kawasan-kawasan pembangunan seperti pembangunan Bandar Meru Raya, Bandar Baru Seri Iskandar, Bandar Behrang 2020, Bandar Baru Tualang Sekah dan pembangunan semula Pekan Kecil yang terdiri daripada pembangunan Pekan Tapah Road, Pekan Kecil Lawin, Manjoi, Trong, Changkat Lada, Ijok, Sauk dan Kuala Kangsar. Selain itu, sehingga kini Perbadanan juga terlibat dalam menguruskan pembangunan bagi 41 tanah industri dengan keseluruhan kawasan seluas 8,053 ekar melibatkan 8 kawasan perindustrian di Hulu Perak, Kerian, Larut Matang dan Selama, Kinta, Perak Hi Tech Park Kinta, Batang Padang, Perak Tengah dan Manjung.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan terhadap pembangunan tanah Perbadanan Kemajuan Negeri Perak dilaksanakan dengan cekap dan ekonomik serta mencapai matlamat yang ditetapkan.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi pengurusan projek pembangunan tanah perindustrian dan Bandar Baru bagi tahun 2011 hingga 2013 yang dilaksanakan oleh Perbadanan. Pengauditan dilaksanakan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan projek pembangunan perindustrian dan Bandar Baru di atas tanah milik Perbadanan. Pemilihan sampel pengauditan adalah satu daripada 5 program pembangunan Bandar Baru iaitu Bandar Baru Tapah Road dan 10% daripada 41 lot tanah yang diluluskan untuk tujuan perindustrian. Lawatan Audit ke lokasi projek terpilih dan temu bual juga telah dijalankan semasa pengauditan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Februari hingga Mac 2014 mendapati secara keseluruhannya pengurusan projek pembangunan tanah industri dan Bandar Baru Perbadanan adalah kurang memuaskan kerana beberapa kelemahan seperti berikut:

- Perlaksanaan projek tidak mengikut jadual.
- Projek usahasama tidak dilaksanakan.
- Bayaran projek dan jualan tanah belum selesai.
- Pemaju tidak mematuhi syarat-syarat perjanjian.
- Pencerobohan tanah yang belum dibangunkan.

2.4.1. Pelaksanaan Projek Tidak Mengikut Jadual

2.4.1.1. Projek Pembangunan Estet Perindustrian Kamunting Raya Fasa 2 Dan 3

- a. Perbadanan telah mendapat tanah seluas 1,576 ekar daripada Kerajaan Negeri Perak melalui kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) pada 16 Ogos 1991 untuk dibangunkan sebagai Estet Perindustrian Kamunting Raya. Pada 6 Mac 1997, tambahan seluas 300 ekar lagi diperoleh menjadikan jumlah keseluruhan keluasan tanah 1,876 ekar termasuk rizab jalan, loji rawatan, sekolah, tangki air, kolam tadahan dan kawasan rekreasi. Perbadanan telah melantik Paku Rimba Sdn. Bhd. sebagai *Turnkey Contractor* bagi melaksanakan kerja-kerja pembinaan infrastruktur yang terdiri daripada Fasa 1, Fasa 2 dan Fasa 3 di Estet Perindustrian Kamunting Raya pada 1 Ogos 1996 dengan pembahagian hasil jualan tanah 20% kepada Perbadanan. Komponen dan status pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur adalah seperti di **Jadual 2.1**.


Jadual 2.1
Komponen Dan Status Pelaksanaan Projek Pembangunan Infrastruktur

Fasa Projek/ Keluasan Tanah	Komponen Fasa	Status Pembangunan Infra Sepatut Siap	Catatan
FASA 1 / 500 ekar	<ul style="list-style-type: none"> • <i>Terrace Factories</i> • <i>Semi Detached Factories</i> 	Telah Siap Sepenuhnya Tahun 90an	
FASA 2 / 519 ekar	<ul style="list-style-type: none"> • Lot-lot industri • Pusat Latihan Industri Teknologi Tinggi • Pusat Latihan Memandu 	Sebelum atau pada 15 Jun 2012	<ul style="list-style-type: none"> - Penjualan lot-lot industri akan diagihkan : (20% - Perbadanan) (80% - Paku Rimba) - Hutan belum dibangunkan seluas 150.86 ekar (bersebelahan Toyo Tires)
FASA 3/ 857 ekar	<ul style="list-style-type: none"> • Lot-lot industri • Tangki Air • Loji Rawatan 	Sebelum atau pada 31 Disember 2012	<ul style="list-style-type: none"> - Hutan belum dibangunkan seluas 98.57 ekar termasuk Loji Rawatan (Bahagian Paku Rimba) - Pembinaan Tangki Air Kedua telah siap tetapi belum diserahkan kepada Lembaga Air Perak (LAP).

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

- b. Berdasarkan Klausula 3.2.2 *Turnkey Agreement* antara Perbadanan dan Paku Rimba Sdn. Bhd., kontraktor perlu menyiapkan kerja-kerja infrastruktur di Fasa 2 dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh pelan diluluskan. Bagaimanapun disebabkan pihak kontraktor gagal melaksanakan kerja-kerja penyediaan infra dalam tempoh ditetapkan, satu *Supplemental Agreement* bertarikh 15 Julai 2011 telah ditandatangani bagi menyelaraskan semula pelaksanaan pembangunan infrastruktur yang tidak siap di Fasa 2 dan 3. Jadual pelaksanaan baru adalah seperti pelan di **Gambar 2.1**.

Gambar 2.1
Jadual Pelaksanaan Baru Bagi Fasa 2 dan Fasa 3



Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Estet Perindustrian Kamunting Raya

Tarikh: 13 Februari 2014

- c. Berdasarkan komponen Fasa 2 di **Jadual 2.1**, sejumlah 9 daripada 16 lot industri, Pusat Latihan Industri Teknologi Tinggi dan Pusat Latihan Memandu telah siap. Manakala bagi Fasa 3, sejumlah 758 ekar daripada 857 ekar telah dibangunkan sebagai lot industri. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 13 Februari 2014 mendapati kawasan tanah seluas 150.86 ekar bagi 7 lot industri di Fasa 2 yang terletak bersebelahan Kilang Toyo Tires masih hutan kerana pembangunan infrastruktur belum siap seperti di **Gambar 2.2** dan **Gambar 2.3**. Manakala tanah seluas 99 ekar termasuk rizab loji rawatan Indah Water Konsortium (IWK) di Fasa 3 yang akan menjadi milik Paku Rimba yang sepatutnya siap pada 15 Jun 2012 juga masih belum dibangunkan seperti di **Gambar 2.4**. Semakan Audit turut mendapati tangki air kedua seperti di **Gambar 2.5** yang perlu disiapkan pada atau sebelum 31 Disember 2012 juga masih belum diserahkan ke Lembaga Air Perak (LAP). Lawatan Audit juga mendapati pemasangan saluran paip air sepanjang 750 meter di Fasa 3 masih belum siap dan sedang dilaksanakan seperti di **Gambar 2.6**.



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kamunting Raya
Tarikh: 13 Februari 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kamunting Raya
Tarikh: 13 Februari 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kamunting Raya
Tarikh: 13 Februari 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kamunting Raya
Tarikh: 13 Februari 2014



Gambar 2.6
Pemasangan Paip Air Belum Siap

Sumber: Jabatan Audit Negara

Lokasi: Kamunting Raya

Tarikh: 13 Februari 2014

- d. Pada 29 November 2012, satu lagi perjanjian tambahan telah ditandatangani. Menurut perjanjian tersebut, hutang Paku Rimba Sdn. Bhd. kepada Perbadanan adalah sejumlah RM60,567 setelah mengambil kira amaun-amaun kontra hutang. Bayaran tersebut hendaklah diselesaikan dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat perjanjian. Bayaran faedah berdasarkan perkiraan harian dengan kadar 10% setahun perlu dikenakan sekiranya Paku Rimba Sdn. Bhd. gagal membayar dalam tempoh yang ditetapkan. Semakan Audit terhadap Lejar Penghutang Paku Rimba Sdn. Bhd. mendapati sehingga 7 Mac 2014 tiada sebarang pembayaran dibuat oleh Paku Rimba Sdn. Bhd. kepada Perbadanan. Mengikut perkiraan Audit, caj faedah berjumlah RM7,450 bagi kelewatan 449 hari tidak dikenakan dan tiada surat peringatan dikemukakan oleh Perbadanan untuk menuntut bayaran tersebut.
- e. **Mengikut maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 26 Mac 2014, pembangunan infrastruktur utama adalah mengikut fasa dan keperluan serta permintaan oleh pelabur di mana pembinaannya tidak dilaksanakan secara serentak kecuali melibatkan kerja-kerja tanah. Permintaan pelabur adalah berbeza dari segi keluasan, spesifikasi infrastruktur serta utiliti yang diperlukan seperti kilang Toyo Tires. Bagi kawasan yang belum dibangunkan disebabkan kawasan tersebut baru diluluskan pindaan kelulusan Kebenaran Merancang dan pengeluaran hakmilik oleh Majlis Perbandaran Taiping pada 11 Disember 2013. Perbadanan telah memaklumkan tangki air kedua telah siap dan meminta pihak LAP untuk membuat ujian kebocoran. Manakala saluran paip air yang sedang dibina sepanjang 750 meter di Fasa 3 adalah untuk menyambungkan bekalan air daripada tangki kedua yang baru disiapkan kepada paip utama LAP yang sebelum ini pihak pelabur di kawasan berkenaan mendapatkan bekalan air terus daripada saluran paip utama. Kerja-kerja pemasangan paip telah siap sehingga 70% di mana pihak kontraktor perlu menyelesaikan pengalihan kabel-kabel utiliti bawah tanah sebelum penyambungan paip. Selain itu, Perbadanan telah melantik peguam untuk membuat semakan secara terperinci ke atas semua perjanjian di antara Perbadanan dengan Paku Rimba Sdn. Bhd. merangkumi perjanjian *turnkey contract*, perjanjian tambahan dan juga perjanjian penyelesaian bagi**

menentukan dan memastikan jumlah hutang yang tepat di antara kedua-dua pihak. Peguam juga akan meneliti transaksi baru selepas semua perjanjian yang berkaitan ditandatangani untuk diselaraskan semula bagi mendapatkan status terkini dengan mengambil kira peratusan kerja-kerja infrastruktur utama yang telah disiapkan.

2.4.1.2. Projek Pembangunan Bercampur Bandar Baru Tapah Road

- a. Tenaga Danawa Sdn. Bhd. (TDSB) yang merupakan syarikat subsidiari Perbadanan telah meluluskan jualan tanah milik Perbadanan seluas 52.79 ekar kepada Syarikat Caely (M) Sdn. Bhd. (Syarikat Pemaju) bagi melaksanakan projek pembangunan bercampur secara usahasama. *Gross Development Value* (GDV) keseluruhan projek dianggarkan bernilai RM145 juta. Pulangan projek kepada TDSB adalah sejumlah RM3.70 juta yang terdiri daripada tunai RM1.93 juta dan 13 unit kedai rakyat 2 tingkat bernilai RM1.77 juta. Pihak pemaju perlu menyiapkan 13 unit kedai rakyat berkenaan dalam tempoh 36 bulan dari tarikh kelulusan pelan iaitu pada 8 Jun 2012 di mana kedai rakyat milik TDSB perlu disiapkan pada 8 Jun 2015.
- b. Lawatan Audit pada 11 Februari 2014 mendapati pemaju hanya memulakan kerja pembinaan bagi 3 unit kedai rakyat 2 tingkat milik TDSB di Fasa 1 dan baki 10 unit kedai rakyat di FASA 2 masih belum dilaksanakan. Status pembinaan 3 unit kedai rakyat berkenaan hanya 2.6% dengan kelewatan 70% dari jadual seperti di **Gambar 2.7**. Pihak Audit mendapati tiada bukti menunjukkan pemantauan bagi kemajuan kerja pembinaan 13 unit kedai rakyat dan pembangunan infrastruktur utama dilaksanakan oleh pihak TDSB seperti kehendak Klausus 14 Perjanjian Jual Beli antara TDSB dan Syarikat Caely (M) Sdn. Bhd. yang menyebabkan kelewatan pelaksanaan projek.



Gambar 2.7
Pembinaan 3 Unit Kedai Rakyat

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bandar Baru Tapah Road
Tarikh: 11 Februari 2014

- c. **Mengikut maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 26 Mac 2014 dan 7 Mei 2014, TDSB telah mendapat bayaran berjumlah RM1.93 juta dan yang masih belum diperoleh adalah 13 unit kedai rakyat 2 tingkat bernilai RM1.77 juta. Implikasi perjanjian jual beli menyebabkan TDSB tidak mempunyai**

sebarang kuasa kawalan terhadap projek pembangunan ini. Hak TDSB ke atas 13 unit rumah kedai tersebut adalah sama seperti pembeli lain. TDSB akan menyusul dengan tindakan untuk mendapatkan penyelesaian pembayaran bagi rumah kedai tersebut dan perlu diserah kepada TDSB sebelum 8 Jun 2015.

Pada pendapat Audit, kelewatkan penyiapan projek pembangunan Bandar Baru seperti yang dirancang merugikan Perbadanan kerana lewat mendapat pulangan daripada projek berkaitan.

2.4.2. Projek Usahasama Tidak Dilaksanakan

2.4.2.1. Projek Usahasama Pembangunan Bandar Industri Bidor

- a. Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 1394 pada 24 Oktober 2001 melalui Kertas Mesyuarat Bil. 649/2001 telah memberi kelulusan kepada Perbadanan tanah seluas 1,000 ekar di Mukim Bidor Daerah Batang Padang untuk tujuan tapak projek bersepadu perusahaan berat dan bangunan bercampur. Bagi melaksanakan projek ini satu perjanjian usahasama antara Perbadanan dengan Trisilco Perak Development Sdn. Bhd. dan Trisilco Properties Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 25 Februari 1998 dengan perkongsian keuntungan 30% oleh Perbadanan. Berdasarkan Klausus 5.1.3 *Joint Venture Agreement In Respect of Bidor Industrial City* obligasi Syarikat usahasama adalah untuk membina kilang pemasangan *Mercedez Benz*. Bagaimanapun sehingga 20 Februari 2014 tiada sebarang projek pembinaan kilang pemasangan *Mercedez Benz* dilaksanakan walaupun Syarikat telah membayar premium tanah berjumlah RM981,380 sejak tahun 2004. Pihak Audit dimaklumkan Perbadanan sedang menyemak prosedur perundangan bagi mengambil langkah untuk membatalkan perjanjian yang telah dimeterai sejak tahun 1998.
- b. **Mengikut maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 26 Mac 2014 dan 7 Mei 2014, pada 6 Februari 2014 Perbadanan telah menghantar notis kerana kegagalan pihak Trisilco Properties Sdn. Bhd. untuk mematuhi intipati utama membina kilang *Mercedes Benz* seperti di dalam perjanjian usahasama. Pada masa ini pihak peguam yang dilantik sedang menguruskan tindakan perundangan berdasarkan notis-notis yang telah dikemukakan.**

2.4.2.2. Projek Usahasama Pembangunan Pusat Aero-Angkasa Serantau Dan Aplikasi Penggunaan Teknologi Angkasa

- a. Permohonan tanah seluas 446 ekar oleh Perbadanan bagi tujuan perusahaan Projek Penjanaan Kuasa Letrik telah diluluskan pada 29 Julai 1994. Bagaimanapun hanya 95 ekar yang digunakan untuk tujuan asal projek berkenaan. Pihak Audit

mendapati pada 28 Disember 2005, satu perjanjian usahasama antara Syarikat Akriz Sdn. Bhd. dengan Perak Industrial Resources Sdn. Bhd. (PIRSB) iaitu anak syarikat Perbadanan telah ditandatangani bagi melaksanakan projek pembangunan Pusat Aero-Angkasa Serantau dan Aplikasi Penggunaan Teknologi Angkasa bagi Sektor-Sektor Kritis di Malaysia di atas baki tanah tersebut iaitu seluas 38 ekar. Berdasarkan Klausus 8.2 Perjanjian Jual Beli antara PIRSB dan RAC Development Sdn. Bhd. menetapkan cukai tanah, cukai pintu, kadar-kadar, caj perkhidmatan dan caj-caj lain perlu dijelaskan oleh RAC Development Sdn Bhd. Bagaimanapun RAC Development Sdn. Bhd. sebagai syarikat yang ditubuhkan untuk melaksanakan projek ini telah gagal membuat bayaran cukai tanah dari tahun 2007 hingga 2010 berjumlah RM313,556. Ini menyebabkan tanah tersebut telah diambil tindakan pelucutan hak. Lawatan Audit pada 12 Februari 2014 mendapati tiada sebarang projek pembangunan Pusat Aero-Angkasa Serantau dan Aplikasi Penggunaan Teknologi Angkasa dilaksanakan seperti di **Gambar 2.8**. Pada 28 Jun 2012, Perbadanan telah membuat permohonan mendapatkan semula tanah perindustrian berkenaan untuk dijual bagi melaksanakan projek ternakan udang. Kegagalan melaksanakan projek usahasama ini menyebabkan Perbadanan terpaksa menanggung cukai tertunggak dan caj-caj lain oleh Pihak Berkuasa Negeri bagi mendapatkan semula tanah tersebut.



Gambar 2.8
Tanah Yang Telah Dilucutkan Hak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Mukim Pengkalan Baharu, Segari
Tarikh: 12 Februari 2014

- b. **Mengikut maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 26 Mac 2014, Perbadanan berpendapat kawasan berkenaan dari segi topografi dan lokasi tidak strategik untuk dibangunkan sebagai kawasan perindustrian maka dalam tempoh 11 tahun tiada perancangan dibuat sehingga pihak Akriz Sdn. Bhd. mengemukakan cadangan untuk membangunkan tanah tersebut sebagai projek pusat aero-angkasa pada tahun 2005. Walau bagaimanapun Akriz Sdn. Bhd. telah menyatakan hasrat membatalkan perjanjian usahasama pada 15 Januari 2014. Perbadanan kemudiannya telah membuat tawaran penjualan 3 lot industri di tanah berkenaan pada 29 Jun 2012 kepada Aimanaquatik Sdn. Bhd. bagi tujuan penternakan udang. Kelulusan pemilikan semula tanah telah diperoleh Perbadanan pada 17 Mac 2014 dengan syarat membayar cukai tanah tertunggak sejak tahun 2007 hingga 2009 berjumlah RM479,958.**

Perbadanan juga telah mendapat kelulusan pengurangan premium pada kadar nominal dengan diberi remitan cukai pada kadar pertanian.

Pada pendapat Audit, Perbadanan perlu memantau dengan serius terhadap projek-projek usahasama yang ditandatangani bagi memastikan projek berjaya dilaksanakan mengikut jadual dan jika sebaliknya tindakan awal patut diambil untuk membatalkan atau mengkaji semula perjanjian.

2.4.3. Bayaran Projek Dan Jualan Tanah Belum Selesai

2.4.3.1. Jualan Tanah Perindustrian Kamunting Raya

a. Paku Rimba Sdn. Bhd.

- i. Berdasarkan Klausu 2.1.10 *Turnkey Agreement*, Paku Rimba Sdn. Bhd. sebagai kontraktor yang dilantik bagi pembangunan infrastruktur Estet Perindustrian Kamunting Raya, kontraktor hendaklah memaklumkan semua perkembangan kerja-kerja pembinaan infrastruktur kepada Perbadanan dengan menghantar Laporan Terperinci Kemajuan Kerja Bulanan. Manakala Klausu 5.1 *Supplemental Agreement* menetapkan kontraktor hendaklah menyiapkan kerja-kerja pembinaan infrastruktur dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 31 Disember 2012. Kontraktor perlu memohon lanjutan masa secara bertulis selama 6 bulan atau tarikh yang ditetapkan oleh Perbadanan jika kerja-kerja tidak dapat disiapkan. Sekiranya kontraktor gagal menyiapkan kerja-kerja pembinaan infrastruktur tersebut, Perbadanan berhak melantik kontraktor baru dan semua kos pembinaan infrastruktur yang belum siap ditanggung oleh kontraktor. Semakan Audit mendapati tiada bukti kontraktor mengemukakan Laporan Terperinci Kemajuan Kerja Bulanan kepada Perbadanan sejak kerja-kerja infrastruktur dimulakan pada tahun 1996. Selain itu, tiada permohonan lanjutan masa oleh kontraktor bagi kerja-kerja pembinaan infrastruktur yang masih belum disiapkan. Semakan turut mendapati tiada tindakan melantik kontraktor baru oleh Perbadanan selepas kegagalan pihak kontraktor yang sedia ada menyiapkan kerja-kerja infrastruktur dalam tempoh yang ditetapkan. Kegagalan Perbadanan memantau pelaksanaan kerja infrastruktur projek menyebabkan pihak kontraktor tidak mengemukakan Laporan Terperinci Kemajuan Kerja Bulanan.
- ii. Berdasarkan Klausu 4.1.7 *Turnkey Agreement* bertarikh 26 Disember 1996, adalah menjadi tanggungjawab kontraktor untuk menjual lot-lot industri yang lengkap dengan pembangunan infrastruktur dengan harga yang dipersetujui oleh Perbadanan. Lawatan Audit pada 13 Februari 2014 mendapati masih terdapat 11 daripada 18 lot industri atau 61% dalam Fasa 2 dengan keluasan 178.21 ekar masih belum dijual dan sebahagiannya belum disiapkan. Keadaan lot-lot industri

yang masih belum dijual adalah seperti di **Gambar 2.9** dan **Gambar 2.10**. Kegagalan menjual lot-lot industri menyebabkan pengurangan hasil Perbadanan serta menjelaskan objektif pelaksanaan projek bagi meningkatkan dan menjana ekonomi negeri. Maklumat lot-lot industri yang masih belum dijual adalah seperti di **Jadual 2.2**.

Gambar 2.9
Lot Kosong Telah Siap Infrastruktur Belum Dijual



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kamunting Raya
Tarikh: 13 Februari 2014

Gambar 2.10
Lot Kosong Tanpa Infrastruktur Belum Dijual



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kamunting Raya
Tarikh: 13 Februari 2014

Jadual 2.2
Lot Industri Yang Masih Belum Dijual Fasa 2 Estet Perindustrian Kamunting Raya

Bil.	No.Pt / Hsd No.	Kategori Tanah	Keluasan (Ekar)	Status Kerja Infrastruktur
1.	PT15645 / 26907	Industri	5.00	Siap
2.	PT15644 / 26906	Industri	5.71	Siap
3.	PT15648 / 26910	Industri	9.37	Siap
4.	PT15649 / 26911	Industri	7.27	Siap
5.	Tiada Maklumat	Industri	6.76	Belum Siap
6.	Tiada Maklumat	Industri	28.75	Belum Siap
7.	Tiada Maklumat	Industri	23.22	Belum Siap
8.	Tiada Maklumat	Industri	14.18	Belum Siap
9.	Tiada maklumat	Industri	39.38	Belum Siap
10.	23827 / 224333	Perusahaan	5.46	Belum Siap
11.	14138	Tiada Maklumat	33.11	Belum Siap
Jumlah			178.21	

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

- iii. Mengikut maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 26 Mac 2014, perubahan dan pindaan terpaksa dibuat bagi membolehkan pihak Perbadanan menempatkan kilang Toyo Tires seluas 100 ekar di mana perubahan melibatkan Kebenaran Merancang yang baru dan juga pindaan terhadap perancangan infrastruktur yang telah dibuat sebelum ini. Perbadanan tidak akan membayar sebarang perbezaan kontrak disebabkan Paku Rimba Sdn. Bhd. bertanggungjawab sepenuhnya untuk menyiapkan semua infrastruktur utama Kamunting Raya berdasarkan kehendak dan keperluan jabatan teknikal.

b. Sinetimed Consumables Sdn. Bhd.

- i. Perbadanan telah menjual lot tanah industri dengan harga jualan RM9.50 satu kaki persegi berjumlah RM12.41 juta untuk tanah seluas 30 ekar kepada Sinetimed Consumables Sdn. Bhd. bagi tujuan pembinaan kilang membuat sarung tangan getah. Surat tawaran dikeluarkan kepada pembeli pada 18 Mac 2013 dan Perjanjian Jual Beli antara Sinetimed Consumables Sdn. Bhd. dengan Perbadanan telah ditandatangani pada 5 Julai 2013. Semakan Audit sehingga 7 Mac 2014 mendapati hanya RM10.55 juta telah dibayar manakala baki sejumlah RM1.86 juta yang sepatutnya dibayar pada Januari 2014 masih tertunggak. Pihak Audit dimaklumkan pembayaran ditangguhkan kerana pihak Majlis Perbandaran Taiping (MPT) telah meminta pembeli menyerahkan sebahagian daripada tanah berkenaan kepada MPT untuk pembinaan jalan susur. Berdasarkan Minit Mesyuarat Isu Penyerahan Sebahagian Tanah Milik Sinetimed Consumables Sdn. Bhd. Di Lot 23826, Kawasan Perindustrian Kamunting Raya, Taiping Untuk Pembinaan Jalan Susur 66 Kaki Bil.1/2014 bertarikh 16 Januari 2014 mendapati Perbadanan bersetuju untuk memulangkan kembali bayaran pampasan yang setimpal dengan nilai tanah yang akan diserahkan.
- ii. **Mengikut maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 26 Mac 2014, penangguhan bayaran oleh Sinetimed Consumables Sdn. Bhd. kepada Perbadanan disebabkan rayuan kepada Perak Invest untuk menuntut pampasan ke atas rizab jalan seluas 1.6 ekar dengan kos RM662,112. Kerajaan Negeri melalui Majlis Mesyuarat Kerajaan pada 19 Mac 2014 telah menolak rayuan tersebut dan Perbadanan melalui peguam dilantik akan menuntut bayaran yang belum diterima.**

c. Ibu Kota Ductile Iron Pipe Industry Sdn. Bhd.

- i. Perbadanan telah menjual lot tanah industri selepas kelulusan Lembaga Pengarah Perbadanan dengan harga jualan RM2.92 sekaki persegi selepas pemberian harga subsidi RM4.08 per kaki persegi kepada Ibu Kota Ductile Iron Pipe Industry Sdn. Bhd. untuk tujuan membina kilang memproses *ductile iron pipe*. Jumlah jualan bagi tanah seluas 30.85 ekar ini adalah RM3.92 juta. Berdasarkan Klausus 5.1 *Infrastructure Agreement* antara Perbadanan dan Paku Rimba Sdn. Bhd. keseluruhan hasil jualan lot industri di Fasa 3 ini merupakan milik Paku Rimba Sdn. Bhd. selaku *Turnkey Contractor* yang dilantik. Bagaimanapun semua bayaran pembelian lot industri perlu dibayar melalui Perbadanan seperti yang ditetapkan di dalam Klausus 3.1 Perjanjian Jual Beli antara Perbadanan dan Ibu Kota Ductile Iron Pipe Industry Sdn. Bhd. bertarikh 22 Mac 2007. Semakan Audit mendapati sehingga 20 Jun 2011 bayaran yang diterima hanya berjumlah RM3.10 juta termasuk terbitan saham yang

dipermodalkan oleh Perbadanan bernilai RM2.0 juta. Baki bayaran dalam Lejar Penghutang menunjukkan sejumlah RM0.82 juta masih tertunggak sehingga 7 Mac 2014. Butiran bayaran adalah seperti di **Jadual 2.3**. Tiada bukti caj perkhidmatan sebanyak 8% setahun dikenakan terhadap tunggakan bayaran tersebut seperti yang ditetapkan dalam Klausu 3.4 Perjanjian Jual Beli antara Perbadanan dan Ibu Kota Ductile Iron Pipe Industry Sdn. Bhd. Tarikh akhir surat peringatan tuntutan hutang dikeluarkan oleh Perbadanan kepada pembeli hanya pada 25 Ogos 2011.

Jadual 2.3

Pembayaran Oleh Ibu Kota Ductile Iron Pipe Industry Sdn. Bhd.

Tarikh Bayaran	Nombor Cek	Jumlah (RM)
30.01.2007	EON 456739	100,000
21.03.2007	EON 545852	182,397
31.07.2007	Terbitan syer	2,000,000
13.08.2007	EON 567248	411,575
11.07.2008	EON 589068	130,000
10.10.2008	EON 589295	100,000
21.01.2009	EON 589481	100,000
20.06.2011	HLBB 974889	80,000
Jumlah		3,103,972

Sumber: Perbadanan Kemajuan Negeri Perak

- ii. **Mengikut maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 26 Mac 2014, Perbadanan telah melantik peguam untuk membuat semakan secara terperinci ke atas semua perjanjian antara Perbadanan dengan Ibu Kota Ductile Iron Pipe Industry Sdn. Bhd. bagi menentukan dan memastikan jumlah hutang yang tertunggak dan mengambil tindakan perundangan yang sewajarnya berdasarkan perjanjian yang telah ditandatangani.**

2.4.3.2. Lot Tanah 5686 Mukim Lumut Daerah Manjung

- a. Pada 16 April 1999, tanah seluas 30 ekar telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri kepada Perbadanan untuk tujuan pembangunan pelabuhan dan kegiatan perusahaan perkapalan. Bagaimanapun pada 12 September 2007 Lembaga Pengarah Perbadanan telah bersetuju untuk menjual tanah tersebut dengan pecahan kepada 2 lot iaitu 15 ekar kepada Tidal Marine Shipyard Sdn. Bhd. dan 13 ekar kepada Samudra Shipyard & Engineering Sdn. Bhd. untuk tujuan pembangunan industri marin melalui Perak Equity Sdn. Bhd. (PESB) yang merupakan anak syarikat Perbadanan. Perjanjian Jual Beli antara PESB dan Tidal Marine Shipyard Sdn. Bhd. telah ditandatangani pada 4 Mei 2011.
- b. Semakan Audit terhadap status bayaran dan Lejar Penghutang PESB mendapati sehingga 12 Februari 2014, Tidal Marine Shipyard Sdn. Bhd. masih mempunyai baki bayaran sejumlah RM1.18 juta dan tiada bukti caj tambahan faedah dikenakan seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah PESB. Tarikh akhir penyelesaian

bayaran yang dipersetujui oleh PESB adalah pada bulan Oktober 2013. Semasa lawatan pada 12 Februari 2014, pihak Audit dimaklumkan pihak pembeli telah melaksanakan projek pembangunan industri Marin selepas 10% bayaran pertama dibuat. Bagaimanapun tiada bukti bertulis yang pihak PESB membenarkan projek dimulakan sebelum bayaran penuh dibuat seperti kehendak Klausula 4.2, Perjanjian Jual Beli antara PESB dan Tidal Marine Shipyard Sdn. Bhd. yang ditandatangani pada 4 Mei 2011. Keadaan di tapak semasa lawatan Audit pada 12 Februari 2014 adalah seperti di **Gambar 2.11** dan **Gambar 2.12**.

Gambar 2.11
Tanah Dalam Pelaksanaan Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 5686, Lumut
Tarikh: 12 Februari 2014

Gambar 2.12
Tanah Dalam Pelaksanaan Projek



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Lot 5686, Lumut
Tarikh: 12 Februari 2014

- c. **Mengikut maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 26 Mac 2014, pembayaran akhir akan dijelaskan oleh syarikat tersebut setelah borang 14A dikemukakan kepada pihak peguam dan pihak peguam akan menuntut baki bayaran berjumlah RM1.18 juta berkenaan. Perbadanan telah mengambil tindakan pada 26 Mac 2014 untuk mengemukakan dokumen-dokumen kepada pihak peguam untuk mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekiranya Tidal Marine Shipyard Sdn. Bhd. gagal menjelaskan bayaran, Perbadanan akan mengambil tindakan membatalkan perjanjian.**

2.4.3.3. Tanah Pembangunan Bercampur Bandar Baru Tapah Road

- a. Perbadanan telah menawarkan tanah seluas 275 ekar kepada Tenaga Danawa Sdn. Bhd. (TDSB) iaitu anak syarikat Maju Perak Holdings bagi tujuan pembangunan bercampur Bandar Baru Tapah Road dengan kadar jualan RM60,000 seekar menjadikan jumlah jualan RM16.50 juta. Perjanjian Jual Beli antara Perbadanan dan TDSB telah ditandatangani pada 8 Julai 2008 di mana Perbadanan telah bersetuju dengan pengurangan kadar kepada RM15,625 seekar selepas pelarasan kontra amaun liabiliti TDSB menjadikan jualan tanah berjumlah RM4.30 juta. Klausula 2.1 dan 2.2 Perjanjian Jual Beli menetapkan TDSB perlu menjelaskan amaun tersebut kepada Perbadanan dalam tempoh 5 tahun dari tarikh perjanjian ditandatangani.

Tarikh akhir bayaran perlu diselesaikan ialah pada 7 Julai 2013 dan caj pentadbiran pada kadar 10% setahun perlu dikenakan mengikut kiraan harian daripada amaun tertunggak. Semakan Audit mendapati sehingga 7 Mac 2014, TDSB masih belum menjelaskan baki bayaran sejumlah RM1.80 juta dan tiada jadual dan kaedah pembayaran ditetapkan oleh Perbadanan bagi memastikan TDSB membuat bayaran mengikut tempoh yang ditetapkan.

- b. **Mengikut maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 26 Mac 2014 dan 7 Mei 2014, TDSB telah menjelaskan bayaran hutang RM40,000 sebulan mulai 3 April 2013 dan hutang tersebut merupakan secured loan repayment Perbadanan daripada subsidiari dan ianya merupakan fokus utama untuk diselesaikan.**

Pada pendapat Audit Perbadanan perlu mengambil tindakan yang lebih tegas kepada pembeli tanah supaya amaun tertunggak termasuk faedah diselesaikan sepenuhnya.

2.4.4. Pencerobohan Tanah Yang Belum Dibangunkan

2.4.4.1. Berdasarkan Klausula 1 Perjanjian Jual Beli antara Perbadanan dan TDSB yang ditandatangani pada 8 Julai 2008 menetapkan tanah yang dijual oleh Perbadanan kepada TDSB seluas 275 ekar adalah bagi tujuan pembangunan bercampur di Tapah Road Daerah Batang Padang. Lawatan Audit pada 11 Februari 2014 mendapati hanya 52.79 ekar tanah sedang dalam pelaksanaan pembangunan Bandar Baru. Manakala baki 222.21 ekar masih belum dibangunkan dan terdapat pencerobohan tanah oleh setinggan yang mengerjakan tanaman kontan seperti sayur-sayuran, jambu batu dan betik di atas tanah yang dianggarkan seluas 61.06 ekar seperti di **Gambar 2.13** dan **Gambar 2.14**. Maklumat mengenai penggunaan tanah adalah seperti di **Jadual 2.4**.

Jadual 2.4

Maklumat Penggunaan Tanah Milik TDSB

Penggunaan Tanah	Keluasan Tanah (Ekar)	Catatan
Pembangunan bercampur Bandar Baru Tapah Road	52.79	Dalam pelaksanaan oleh pemaju
Rizab kerajaan	41.15	<ul style="list-style-type: none"> Majlis Daerah Tapah Pusat Kegiatan KEMAS Pusat Kesihatan.
Pembangunan masa hadapan	100.00	Skim perumahan
Sewaan kepada syarikat pengusaha kelapa sawit	20.00	Tapak semaihan anak kelapa sawit
Pencerobohan setinggan	61.06	Tanaman sayuran, betik dan jambu batu.
Jumlah	275.00	

Sumber: Tenaga Danawa Sdn. Bhd.

Gambar 2.13
Tanaman Jambu Batu Oleh Setinggan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapah Road
Tarikh: 11 Februari 2014

Gambar 2.14
Rumah Setinggan Di Kebun Jambu Batu



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tapah Road
Tarikh: 11 Februari 2014

2.4.4.2 Mengikut maklum balas daripada Perbadanan bertarikh 26 Mac 2014, aktiviti pencerobohan oleh setinggan telah wujud sebelum kelulusan tanah. Tindakan undang-undang ke atas aktiviti ini akan dilaksanakan oleh Perbadanan semasa membangunkan kawasan yang dinyatakan. Pada masa yang sama Perbadanan akan mengambil tindakan pemutihan ke atas setinggan-setinggan yang mengusahakan aktiviti pertanian di kawasan hak milik sah Perbadanan.

Pada pendapat Audit Perbadanan perlu mengambil tindakan awal bagi memastikan aktiviti pencerobohan tidak berterusan bagi mengelakkan kemungkinan Perbadanan terpaksa menanggung kos pemindahan setinggan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan kecekapan pengurusan projek-projek pembangunan yang dilaksanakan mengikut perancangan serta mencapai objektif yang ditetapkan, Perbadanan perlu mengambil tindakan segera untuk mengatasi kelemahan yang dikenal pasti. Sehubungan itu, Perbadanan Kemajuan Negeri Perak adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

2.5.1. Meningkatkan pemantauan terhadap projek-projek yang dilaksanakan secara usahasama dan projek-projek lain yang diuruskan oleh anak syarikat atau oleh *turnkey contractor* supaya mematuhi syarat-syarat perjanjian dan mengambil tindakan sekiranya berlaku perlanggaran syarat-syarat kontrak.

2.5.2. Memastikan semua bayaran jualan tanah industri diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan dan mengenakan denda atas kelewatan bayaran seperti yang ditetapkan dalam perjanjian.

MAJLIS BANDARAYA IPOH MAJLIS DAERAH KERIAN

3. PENGURUSAN PENYENGGARAAN SISTEM SALIRAN BANDAR

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Fungsi utama Bahagian atau Unit Saliran Bandar Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) adalah untuk memberi khidmat teknikal daripada aspek saliran bandar bagi mengelak masalah saliran seperti banjir kilat akibat daripada pembangunan tanah. Antara aktiviti utama bahagian atau unit ini adalah merancang, mengenal pasti dan membina projek-projek saliran dan pencegahan banjir seperti longkang utama dan jambatan. Selain itu, unit ini juga menyenggara dan membaiki longkang utama, sistem mencegah banjir serta kolam tадahan.

3.1.2. Bahagian Saliran Majlis Bandaraya Ipoh (MBI), bertanggungjawab terhadap saliran bandar yang melibatkan 388 longkang dan 64 kolam tадahan. Di samping itu, Bahagian Saliran MBI juga melaksanakan projek-projek berkaitan pencegahan banjir di seluruh kawasan pentadbirannya. Manakala di Majlis Daerah Kerian (MDK), Unit Saliran Bandar di PBT berkenaan bertanggungjawab terhadap penyenggaraan 137 longkang dan 13 kolam tадahan. Bagi tahun 2011 hingga 2013 kedua-dua PBT telah membelanjakan sejumlah RM46.37 juta atau 97.9% antaranya untuk kerja-kerja penyenggaraan sistem saliran bandar, projek berkaitan pencegahan banjir serta kerja-kerja berkaitan jalan. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan mengikut tahun bagi MBI dan MDK seperti di **Jadual 3.1**.

Jadual 3.1
Jumlah Peruntukan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Peruntukan (RM Juta)	Perbelanjaan (RM Juta)	(%) Peratus Perbelanjaan
2011	10.30	10.12	98.3
2012	16.54	16.23	98.1
2013	20.52	20.02	97.6
Jumlah	47.36	46.37	97.9

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Kerian

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan terhadap penyenggaraan sistem saliran bandar telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan penyenggaraan sistem saliran bandar di kawasan pentadbiran PBT yang dipilih. Daripada 15 PBT di Negeri Perak, 2 PBT dipilih sebagai sampel iaitu Majlis Bandaraya Ipoh (MBI) dan Majlis Daerah Kerian (MDK). Skop pengauditan tertumpu kepada projek penyenggaraan dan pembersihan terhadap longkang monsoon/utama serta kolam tadahan. Lawatan Audit juga dilakukan ke tapak projek yang dipilih. Semakan dan pemeriksaan dilakukan terhadap Pelan Induk Saliran, dokumen dan rekod yang berkaitan di MBI dan MDK. Temu bual dengan pegawai MBI dan MDK juga dibuat untuk mendapat maklumat yang lebih jelas.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2013 hingga Mac 2014 mendapati pengurusan penyenggaraan sistem saliran bandar adalah memuaskan. Kedua-dua Majlis telah menyediakan Pelan Induk Saliran Bandar yang lengkap dan komprehensif serta telah membelanjakan hampir keseluruhan peruntukan yang diluluskan bagi tujuan penyenggaraan sistem saliran bandar bagi tempoh 2011 hingga 2013. Bagaimanapun, penyenggaraan dan aspek keselamatan di kolam tadahan perlu dipertingkatkan kerana terdapat kelemahan seperti berikut:

- Kolam tadahan tidak disenggara/dibersihkan sementara *outlet* untuk air keluar tidak dapat dikesan.
- Keselamatan di kolam tadahan kurang memuaskan, pagar roboh, tidak berkunci dan tiada papan tanda amaran bahaya.

3.4.1. Pelan Induk Saliran Bandar

3.4.1.1. Pembangunan tanah yang pesat dan pembukaan kawasan perindustrian, perniagaan dan taman perumahan yang baru menyebabkan kawasan untuk serapan air hujan secara semula jadi telah berkurangan. Oleh itu, PBT telah merancang kaedah dan merekabentuk sistem saliran bandar yang sesuai untuk menyalurkan air hujan atau air larian permukaan ke sungai supaya banjir kilat tidak berlaku. Kaedah yang bersesuaian adalah seperti membina longkang terbuka atau longkang di bawah tanah dengan pelbagai saiz dan juga membina kolam tadahan. Semakan Audit mendapati MBI dan MDK telah menyediakan Pelan Induk Saliran Bandar yang digunakan sebagai panduan bagi mengatasi kejadian banjir kilat di kawasan pentadbiran masing-masing.

3.4.1.2. Pelan Induk Saliran Bandar MBI telah disediakan oleh Jurutera Perunding Zaaba Sdn. Bhd pada tahun 2002 manakala Pelan Induk Saliran Bandar MDK pula seperti yang terkandung dalam Rancangan Tempatan Daerah Kerian 2020 telah disediakan oleh MDK sendiri pada tahun 2012. Kedua-dua pelan induk Majlis tersebut

telah disediakan dengan lengkap dan komprehensif antaranya mengandungi isu-isu sistem saliran, konsep pelan induk, proses dan analisis, kemudahan sistem perparitan, anggaran kos perancangan dan pelaksanaan, aspek undang-undang serta institusi terlibat.

Pada pendapat Audit, Pelan Induk Saliran Bandar yang disediakan oleh MBI dan MDK adalah satu pelan yang komprehensif merangkumi kaedah-kaedah dan rekabentuk sistem saliran bandar yang bersesuaian dan ia digunakan sebagai panduan semasa merancang dan merekabentuk sistem saliran bagi mengatasi masalah banjir kilat.

3.4.2. Prestasi Perbelanjaan

Bagi tahun 2011 hingga 2013 selain daripada peruntukan sedia ada, MBI dan MDK juga menerima peruntukan daripada *Malaysian Road Records Information System* (MARRIS) berjumlah RM25.64 juta untuk tujuan penyenggaraan sistem saliran bandar seperti pembersihan longkang dan kolam tadahan serta pembaikan dan menaiktaraf longkang. Daripada jumlah tersebut, sejumlah RM24.76 juta atau 96.6% telah dibelanjakan. Semakan Audit mendapati prestasi perbelanjaan bagi kedua-dua PBT seperti di **Jadual 3.2** adalah baik iaitu melebihi 90% bagi tahun 2011 hingga 2013 berbanding peruntukan yang diterima.

Jadual 3.2
Prestasi Perbelanjaan Berbanding Peruntukan Yang Diterima Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Peruntukan	MBI			MDK			Jumlah Diterima/Dibelanja (RM Juta)
	2011	2012	2013	2011	2012	2013	
Diterima (RM Juta)	4.87	8.40	7.32	1.75	1.54	1.76	25.64
Dibelanja(RM Juta)	4.69	8.18	6.84	1.75	1.54	1.76	24.76
Peratus Perbelanjaan (%)	96.3	97.4	93.4	100.0	100.0	100.0	96.6

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Kerian

Pada pendapat Audit, prestasi perbelanjaan penyenggaraan sistem saliran bandar MBI dan MDK adalah baik kerana peruntukan yang diterima dibelanjakan sepenuhnya dan dimanfaatkan untuk aktiviti penyenggaraan sistem saliran bandar.

3.4.3. Prestasi Penyenggaraan Sistem Saliran Bandar

Komponen utama sistem saliran bandar terdiri daripada longkang utama atau monsoon dan kolam tadahan. Penyenggaraan sistem tersebut adalah penting dan perlu mengambil kira faktor kebersihan supaya dapat mewujudkan persekitaran yang selesa, sihat dan selamat kepada penduduk setempat.

3.4.3.1. Penyenggaraan Longkang Utama Dan Kolam Tadahan

Pihak MBI dan MDK bertanggungjawab terhadap penyenggaraan 452 longkang utama atau longkang terbuka dan 150 kolam tadahan di kawasan pentadbiran masing-masing.

Bagi merancang penyenggaraan iaitu pembersihan longkang dengan lebih berkesan, pihak MBI telah membahagikan kawasan senggaraan kepada 22 zon. Sebanyak 5 daripada 22 zon tersebut, kerja pembersihan di Zon Bercham, Simee, Tambun, Canning dan Buntong dilaksanakan oleh pihak kontraktor yang dilantik mulai bulan Julai 2013 sementara 17 zon lagi dilaksanakan secara *inhouse* oleh pekerja MBI seramai 429 orang. Di MDK pula, kerja pembersihan terhadap kesemua longkang dan kolam tадahan miliknya diserahkan kepada kontraktor yang dilantik. Sebanyak 39 longkang milik MBI dan 21 milik MDK telah dilawati untuk memastikan penyenggaraan longkang adalah mengikut spesifikasi atau skop kerja yang ditetapkan. Butiran lanjut adalah seperti di **Jadual 3.3** dan hasil lawatan Audit mendapatkan perkara berikut:

Jadual 3.3
Bilangan Longkang Yang Dilawati

Pihak Berkuasa Tempatan	Zon	Bilangan Longkang	Pelaksana Kerja Pembersihan
MBI	Bercham	12	Kontraktor Dilantik MBI
	Tambun	2	
	Gunung Rapat	8	
	Tanjung Rambutan	5	
	Simpang Pulai	5	
	Pengkalan	5	
	Jelapang/Manjoi	2	
	Jumlah	39	
MDK	Parit Buntar	10	Kontraktor Dilantik
	Bagan Serai	7	
	Kuala Kurau	4	
	Jumlah	21	

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Kerian

a. Air Tidak Mengalir Dan Longkang Berbau Busuk

Daripada 39 longkang milik MBI dan 21 longkang milik MDK yang dilawati pada 13 dan 27 Februari 2014, didapati 7 milik MBI dan 9 milik MDK seperti di **Jadual 3.4** berada dalam keadaan yang tidak memuaskan. Audit mendapati keadaan air longkang tersekat atau air tidak mengalir kerana longgokan sampah yang terperangkap dan longkang yang dipenuhi kelodak pasir atau tanah serta batu konkrit longkang yang pecah. Ini menyebabkan longkang berbau busuk. Antara contoh keadaan longkang semasa lawatan Audit adalah seperti di **Gambar 3.1** dan **3.2**.

Jadual 3.4
Keadaan Longkang Milik MBI Dan MDK

Pihak Berkuasa Tempatan	Zon	Lokasi	Keadaan Longkang
MBI	Bercham	1. MDP Villa	Air tidak mengalir
		2. Taman Desa Impian	Longkang ada batu pecah
		3. Bercham Tropicana	Longgokan sampah terperangkap dan air bertakung
		4. Dataran Bercham Timor 6	Longkang ada batu pecah dan air bertakung
		5. Desa Kencana	Sampah terperangkap

Pihak Berkuasa Tempatan	Zon	Lokasi	Keadaan Longkang
	Simpang Pulai	6. Chandan Desa	Air tidak mengalir
	Rapat Setia	7. Taman Ampang Indah	Aliran air tersekat dan batu konkrit longkang pecah
MDK	Parit Buntar	1. Jalan Bunga Raya, Tmn. Kerian	Air tidak mengalir dan berbau busuk
		2. Jalan Perusahaan 2	Air berbau busuk
		3. Lorong Perusahaan 2	Air berbau busuk
		4. Jalan Perusahaan 3	Air tidak mengalir
		5. Jalan Kurau Tmn Seri Tenggara	Air tidak mengalir dan berbau busuk.
		6. Jalan Lampam Taman Seri Tenggara	Air tidak mengalir dan berbau busuk
		7. Taman Kerian	Air tidak mengalir dan berbau busuk
	Bagan Serai	8. Jalan Zamrud, Taman Intan	Air mengalir perlahan dan berbau busuk
		9. Lorong Sempadan Sekolah Menengah Alang Iskandar	Air tidak mengalir
		10. Jalan Jeti	Air berbau busuk

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Kerian

**Gambar 3.1
Aliran Air Tersekat -
Batu Konkrit Longkang Pecah**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Ampang Indah, Ipoh
Tarikh: 27 Februari 2014

**Gambar 3.2
Air Tidak Mengalir
Dan Berbau Busuk**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Kerian, Parit Buntar
Tarikh: 13 Februari 2014

i. **Mengikut maklum balas MBI bertarikh 28 Mac 2014, tindakan pembersihan sedang diambil iaitu seperti berikut:**

- **Membersihkan longkang dengan membuang segala unsur yang boleh menyebabkan aliran air terganggu yang terdiri daripada sampah sarap, kelodak pasir dan tanah serta tumbuhan kecil. Tempoh siap tindakan pembersihan adalah sehingga 4 April 2014.**
- **Bahagian Saliran (Teknikal) MBI telah membuat pemeriksaan di tapak dan mendapati kerosakan di tahap sederhana dan tidak melibatkan struktur lain serta tidak melibatkan keselamatan dan persekitaran**

orang awam. Peruntukan yang diguna pakai oleh Bahagian Saliran adalah terhad dan lebih tertumpu kepada perbelanjaan yang melibatkan kerosakan kategori kritikal. Namun, pihak MBI akan mengemukakan permohonan bagi peruntukan tambahan untuk membaik pulih konkrit longkang yang pecah khusus untuk Taman Ampang Indah, Ipoh.

- Pelan tindakan pencegahan jangka panjang yang dirancang oleh Bahagian Saliran ialah mengkaji secara keseluruhan semua kerosakan-kerosakan longkang sama ada kategori kerosakan kecil, sederhana atau kritikal untuk dibawa ke jawatankuasa khas bagi menentukan tahap keperluan dan tempoh pembaikan yang perlu dilakukan berdasarkan kepentingan faktor-faktor yang boleh membawa kesan terutamanya kepentingan orang awam.

ii. **Mengikut maklum balas MDK bertarikh 25 Mac 2014, longkang yang dilawati adalah yang disenggarakan oleh pihak kontraktor yang membuat pembersihan dengan kekerapan sekali sebulan. Keadaan longkang di kawasan Parit Buntar dan Bagan Serai sentiasa menakung air adalah disebabkan perkara berikut:**

- Kedudukan Daerah Kerian yang terletak di bawah paras laut. Daerah Kerian adalah daerah jelapang padi utara Perak yang mempunyai sistem pengairan dan saliran ke sawah-sawah padi yang secara langsung mempengaruhi sistem saliran di dalam bandar terutamanya di Parit Buntar dan Bagan Serai.
- Apabila pihak terbabit hendak memasukkan air ke sawah padi pada tempoh-tempoh tertentu bagi tujuan penanaman padi, pintu air utama Jabatan Pengairan Dan Saliran di Ampang Jajar, Kerian akan ditutup dan air dari longkang-longkang utama di dalam bandar tidak dapat mengalir keluar ke Sungai Kerian. Ini menyebabkan air daripada longkang monsoon dan longkang di kawasan perumahan tidak dapat mengalir, bertakung dan berbau busuk.
- Selain itu, air longkang monsoon juga dipengaruhi oleh keadaan air pasang dan surut dari sungai-sungai berdekatan seperti Sungai Kerian di Parit Buntar dan Sungai Kurau di Bagan Serai. Apabila keadaan air pasang dan surut berlaku, pada masa itu ia akan membawa bersama kelodak dan sampah menyebabkan longkang di dalam bandar cepat menjadi ceteck dan berbau busuk.
- Bagaimanapun, kerja-kerja pencucian longkang yang dilakukan oleh pihak kontraktor sedikit sebanyak dapat mengurangkan masalah ini.

3.4.3.2. Penyenggaraan Kolam Tadahan

Kolam tadahan terbahagi kepada dua iaitu kolam tadahan basah dan kering. Kedua-duanya berfungsi untuk menakung sementara air berlebihan akibat daripada banjir kilat sebelum air tersebut disalur atau dilepaskan secara perlahan-lahan melalui *outlet* ke sungai berhampiran. Ia perlu disenggara supaya dapat berfungsi dengan baik sekiranya berlaku banjir. Majlis Bandaraya Ipoh mempunyai 64 kolam tadahan manakala MDK mempunyai 13 kolam. Sebanyak 11 kolam tadahan dalam kawasan MBI dan 9 dalam kawasan MDK telah dilawati dan hasil daripada lawatan Audit mendapati perkara-perkara berikut:

a. *Outlet* Tidak Disenggara Dan Tidak Dapat Dikesan

Bagi memastikan kolam tadahan dapat berfungsi dengan baik, *inlet* dan *outlet* di kolam tadahan perlu disenggara supaya air dapat melaluinya dengan lancar. Lawatan Audit pada 3 Februari 2013 mendapati *outlet* bagi 5 daripada 11 kolam tadahan MBI tidak dapat dikesan kerana kolam dipenuhi dengan semak sementara satu *outlet* dipenuhi rumput yang panjang. Ini disebabkan penyenggaraan yang tidak dibuat. Sebanyak 6 kolam tadahan yang dilawati adalah seperti di **Jadual 3.5**. Lawatan susulan Audit pada 8 Mei 2014 mendapati daripada 5 kolam tadahan hanya satu *outlet* di MDP Villa telah dapat dikesan. **Gambar 3.3 hingga Gambar 3.5** adalah berkaitan. **Mengikut maklum balas MBI bertarikh 28 Mac 2014, kebanyakan kolam tadahan dibina oleh pemaju terutamanya kolam tadahan basah. Pada kebiasaananya kolam tadahan dipagar dan tidak boleh diakses dengan mudah bagi tujuan keselamatan awam. Kerja pembersihan kolam tadahan akan dibuka penawarannya kepada syarikat-syarikat yang berkelayakan. Skop kerja memerlukan skil yang besar. Oleh itu, Bahagian Saliran Jabatan Kejuruteraan dalam peringkat memuktamadkan keperluan-keperluan spesifikasi kerja untuk dibawa ke Mesyuarat Spesifikasi bagi tujuan penawaran kontrak tahunan penyenggaraan kolam tadahan.**

Jadual 3.5

Outlet Kolam Tadahan Yang Tidak Dapat Dikesan/Dipenuhi Rumput Panjang

Zon	Lokasi	Jenis Kolam Tadahan	Catatan
Bercham	1. MDP Villa	Basah	<i>Outlet</i> tidak dapat dikesan
	2. Tmn. Desa Impian		
Klebang	3. Tmn. Klebang Restu	Basah	<i>Outlet</i> tidak dapat dikesan
	4. Tmn. Klebang Damai	Basah	<i>Outlet</i> dipenuhi rumput panjang
Menglembu	5. Tmn Impiana Adril	Basah	<i>Outlet</i> tidak dapat dikesan
	6. Tmn. Mas Jaya Falim	Kering	<i>Outlet</i> tidak dapat dikesan

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh

Gambar 3.3
Outlet Tidak Dapat Dikesan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MDP Villa, Bercham, Ipoh
Tarikh: 3 Februari 2014

Gambar 3.4
Outlet Telah Dapat Dikesan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: MDP Villa, Bercham, Ipoh
Tarikh: 8 Mei 2014



Gambar 3.5
Outlet Tidak Disenggara Dan Dipenuhi Rumput Panjang

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tmn. Klebang Damai, Ipoh
Tarikh: 3 Februari 2014

b. Keselamatan Penduduk

Kolam tadahan basah sentiasa menyimpan air pada paras tertentu sepanjang masa. Pada kebiasaananya, kolam jenis ini dibina oleh pemaju di kawasan perumahan. Kawasan sekeliling kolam tadahan ini perlu dilengkapi dengan ciri-ciri keselamatan seperti memagar kawasan sekeliling kolam dan pintu pagar dikunci supaya tidak membahayakan keselamatan penduduk setempat. Papan tanda amaran bahaya atau kawasan larangan juga perlu dipasang. Lawatan Audit pada 3 dan 17 Februari 2014 mendapati 6 kolam tadahan basah dalam kawasan MBI dan 5 dalam kawasan MDK mempunyai pagar namun terdapat pagar yang tidak berkunci dan telah rosak seperti di **Gambar 3.6** dan **Gambar 3.8**. Selain itu, didapati tiada papan tanda amaran bahaya atau kawasan larangan yang dipasang. Lawatan susulan Audit pada 8 Mei 2014 mendapati pagar telah dikunci dan dibaiki seperti di **Gambar 3.7** dan **Gambar 3.9**. Selain itu, papan tanda amaran juga telah dipasang.

Gambar 3.6
Pagar Tidak Berkunci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tmn. Klebang Damai, Ipoh
Tarikh: 3 Februari 2014

Gambar 3.7
Pagar Telah Berkunci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tmn. Klebang Damai, Ipoh
Tarikh: 8 Mei 2014

Gambar 3.8
Pagar Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tmn. Pelangi, Kuala Kurau
Tarikh: 17 Februari 2014

Gambar 3.9
Pagar Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tmn. Pelangi, Kuala Kurau
Tarikh: 8 Mei 2014

- i. Mengikut maklum balas MBI bertarikh 28 Mac 2014, kerja-kerja pemasangan kunci telah dilaksanakan manakala papan tanda dalam proses pelaksanaan. Setelah rekabentuk papan tanda yang sesuai disiapkan, proses penawaran kepada syarikat-syarikat berkaitan akan dibuat dan pemasangan akan dikendalikan oleh Bahagian Lalulintas, Jabatan Kejuruteraan. Pemasangan pertama adalah di Taman Desa Impian. Papan tanda yang direka bentuk lebih menjurus kepada tujuan pendidikan bagi memberitahu fungsi kolam tersebut kepada orang awam.
- ii. Mengikut maklum balas MDK bertarikh 25 Mac 2014, lima kolam tadahan milik MDK mempunyai pagar. Terdapat pagar yang tidak berkunci kerana telah dirosakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. MDK akan mengambil tindakan pembaikan dengan kadar yang segera. Selain itu, MDK juga akan membuat pembaikan pagar kolam tadahan yang rosak secara berperingkat dalam tempoh 6 bulan tahun ini. MDK juga akan memasang papan tanda amaran bahaya di kolam tadahan.

c. Perangkap Lumpur

Kolam tadahan perlu disenggara supaya ia dapat berfungsi dengan baik semasa banjir kilat. *Inlet* yang dibina di kolam tadahan pula perlu dilengkapi dengan perangkap sampah atau perangkap lumpur supaya sampah dan lumpur tidak memasuki kolam tadahan dan *outlet* tidak tersumbat. Dengan ini air yang memasuki kolam tadahan dapat dilepaskan dan mengalir lancar ke sungai berhampiran. Lawatan Audit ke kolam tadahan Zon Perindustrian Bebas (ZPB) di Jelapang, Ipoh pada 3 Februari 2014 mendapati MBI telah mengambil langkah positif dengan membina perangkap lumpur di kolam tadahan tersebut. Perangkap lumpur akan memerangkap dan mengumpul lumpur di kolam yang disediakan sebelum air yang telah ditapis memasuki kolam tadahan. Kesannya kedalaman kolam tadahan dapat dikekalkan dalam tempoh yang lama dan ini dapat mengurangkan kos untuk membuang lumpur dari dasar kolam tadahan. Perangkap lumpur dan kolam tadahan ZPB Jelapang adalah seperti di **Gambar 3.10** dan **3.11**.

Gambar 3.10
Perangkap Lumpur



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: ZPB Jelapang, Ipoh
Tarikh: 3 Februari 2014

Gambar 3.11
Kolam Tadahan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: ZPB Jelapang, Ipoh
Tarikh: 3 Februari 2014

d. Kolam Tadahan Kering

Kolam tadahan kering yang terdapat di kawasan perumahan dibina bagi menakung sementara air berlebihan sebelum dialirkan keluar ke sungai berhampiran. Ia perlu disenggara dengan baik supaya aliran air menjadi lancar semasa memasuki dan keluar daripada kolam tadahan. Pada kebiasaannya, kawasan kolam tadahan jenis ini akan ditumbuhi rumput dan boleh dijadikan tempat beriadah. Lawatan Audit pada 3 Februari 2014 mendapati sebuah kolam di Taman Pengkalan Perdana seperti di **Gambar 3.12** disenggara dengan baik manakala satu lagi kolam di Taman Mas Jaya di **Gambar 3.13** langsung tidak disenggara dan dipenuhi dengan semak dan rumput yang panjang. **Mengikut maklum balas MBI bertarikh 28 Mac 2014, Jabatan Kejuruteraan dalam proses menyediakan dokumen Bill Of Quantities untuk tender tahunan penyenggaraan kolam-kolam tadahan bagi dibawa ke proses sebut harga yang selanjutnya.**

Gambar 3.12
Kolam Tadahan Kering Yang
Disenggara Dengan Baik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Pengkalan Perdana, Ipoh
Tarikh: 3 Februari 2014

Gambar 3.13
Kolam Tadahan Kering Yang
Tidak Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Mas Jaya, Falim, Ipoh
Tarikh: 3 Februari 2014

Pada pendapat Audit, prestasi penyenggaraan atau pembersihan kolam tadahan milik kedua-dua PBT adalah kurang memuaskan. Ini kerana terdapat kolam tadahan yang langsung tidak disenggara menyebabkan outlet tidak dapat dikesan.

3.4.4. Projek Pembinaan Dan Menaiktaraf Sistem Saliran Bandar

3.4.4.1. Kejadian banjir kilat yang berlaku di kawasan bandar biasanya disebabkan oleh sistem saliran bandar yang kurang berkesan antaranya seperti longkang dan kolam tadahan bersaiz kecil, kekurangan bilangan longkang dan longkang tersumbat. Bagi mengatasi masalah banjir kilat, pada tahun 2011 hingga 2013 MBI telah membelanjakan sejumlah RM10.25 juta untuk 43 projek pembinaan atau menaik taraf longkang dan kolam tadahan sedia ada manakala MDK pula telah membelanjakan sejumlah RM1.10 juta untuk 69 projek bagi tujuan yang sama seperti di **Jadual 3.6**.

Jadual 3.6
Projek Tahun 2011 Hingga 2013 Bagi MBI dan MDK

Tahun	MBI		MDK	
	Bilangan Projek	Jumlah (RM Juta)	Bilangan Projek	Jumlah (RM Juta)
2011	9	1.76	35	0.56
2012	17	4.72	19	0.29
2013	17	3.77	15	0.25
Jumlah	43	10.25	69	1.10

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Kerian

- a. Daripada 93 projek yang dilaksanakan oleh MBI dan MDK pada tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 11 fail projek telah diperiksa dan 7 tapak projek dilawati seperti di **Jadual 3.7**.

Jadual 3.7
Bilangan Projek, Pemeriksaan Fail Dan Lawatan Tapak

Bil.	Perkara	MBI	MDK	Jumlah
1.	Bilangan Projek	43	50	93
2.	Pemeriksaan Fail Projek	7	4	11
3.	Lawatan Tapak Projek	3	4	7

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Kerian

- b. Pihak Audit juga telah membuat lawatan ke 7 tapak projek menaiktaraf longkang dan satu projek membina longkang baru seperti di **Jadual 3.8** dan mendapati projek baikpulih, naik taraf dan pembinaan longkang baru telah berjaya mengatasi masalah banjir kilat di kawasan tersebut. Projek-projek yang telah siap dilaksanakan adalah seperti di **Gambar 3.14** hingga **Gambar 3.17**.

Jadual 3.8
Projek Yang Dilawati

Bil.	Nama Projek	Kos Projek (RM Juta)	Pelaksana Projek
1.	Membapkulih Longkang Sedia ada di RPT Jelapang Tambahan, Ipoh	0.61	MBI
2.	Membapkulih Longkang Di Laluan Menglembu 11, Taman Menglembu Berlian, Ipoh	0.08	
3.	Membapkulih Longkang Dari Lot 61039 Hingga Lot 61071 Di Jalan Juara, Kg. Manjoi, Ipoh	0.06	
4.	Menaiktaraf Longkang Di Jalan Maharaja Pusat Bandar, Parit Buntar	0.13	MDK
5.	Membina Longkang Di Hadapan Blok H, Perumahan Awam Sungai Dungun, Bagan Serai	0.08	
6.	Menaiktaraf Longkang Di Taman Serai Perdana, Bagan Serai	0.03	
7.	Menaiktaraf Longkang Di Padang Bandaran, Kuala Kurau	0.05	
Jumlah		1.04	

Sumber: Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Kerian

Gambar 3.14
Longkang Yang Dibaikpulih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: RPT Jelapang Tambahan, Ipoh
Tarikh: 3 Februari 2014

Gambar 3.15
Longkang Yang Dibaikpulih



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Juara, Kg. Manjoi, Ipoh
Tarikh: 3 Februari 2014

Gambar 3.16
Longkang Yang Dinaiktaraf



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Jalan Maharaja Pusat Bandar Pt. Buntar
Tarikh: 13 Februari 2014

Gambar 3.17
Longkang Yang Baharu Dibina



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Perumahan Awam Sg. Dungun, Bagan Serai
Tarikh: 17 Februari 2014

Pada pendapat Audit, pelaksanaan menaik taraf sistem saliran yang dilaksanakan oleh MBI dan MDK adalah memuaskan kerana projek-projek tersebut berjaya mengatasi masalah banjir kilat di kawasan yang terlibat.

3.4.5. Pemantauan

Pemantauan berterusan adalah penting supaya sistem saliran bandar dapat berfungsi dengan baik bagi mengelak berlakunya banjir kilat. Pihak MBI dan MDK telah menetapkan beberapa mekanisme pemantauan bagi memastikan kerja penyenggaraan sistem saliran bandar dilakukan mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan. Di antara mekanisme yang digunakan adalah melalui laporan pembersihan longkang secara harian, mingguan dan bulanan serta penyeliaan kerja di tapak manakala kontraktor yang dilantik dikehendaki mengemukakan laporan bergambar bagi kerja-kerja pembersihan yang dilaksanakan. Pihak MBI dan MDK ada menujuhan Jawatankuasa Tindakan atau Unit Pantas yang bermesyuarat mengikut keperluan bagi menangani dan menyelesaikan masalah yang berbangkit berhubung sistem saliran terutamanya masalah banjir kilat. Selain itu, Bilik Gerakan Khas diwujudkan di kedua-dua PBT untuk menangani kes-kes wabak denggi serta mempertingkat pemantauan dan kerjasama di antara agensi terlibat dalam memerangi wabak tersebut. Semakan Audit mendapati di MBI dan MDK, laporan bergambar terhadap kerja-kerja pembersihan longkang iaitu gambar sebelum, sedang dan selepas kerja dilaksana ada disediakan oleh kontraktor yang dilantik. Pihak MBI dan MDK juga ada membuat potongan terhadap bayaran kepada kontraktor apabila kerja-kerja yang dibuat tidak mencapai tahap pemarkahan yang ditetapkan. Pihak Audit juga dimaklumkan iaitu mulai tahun 2014 satu Jawatankuasa Khas diwujudkan yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Teknikal MBI bagi menilai kerja-kerja pembersihan yang dijalankan oleh kontraktor. Sungguhpun begitu, masih ada kawasan-kawasan tertentu yang penyenggaraannya tidak dijalankan seperti sepatutnya.

Pada pendapat Audit, mekanisme yang digunakan dan tahap pemantauan terhadap kerja-kerja pembersihan sama ada yang dijalankan oleh pekerja Majlis atau kontraktor yang dilantik adalah memuaskan. Bagaimanapun, kedua-dua Majlis perlu memantau kawasan-kawasan yang terpencil supaya tidak terlepas pandang.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan terhadap pengurusan penyenggaraan sistem saliran bandar, Majlis Bandaraya Ipoh dan Majlis Daerah Kerian adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

3.5.1. Memastikan kontraktor mematuhi sepenuhnya spesifikasi atau skop kerja mengikut kontrak. Kedua-dua PBT perlu menilai semula prestasi kerja dan pelantikan kontraktor pembersihan yang gagal mematuhi syarat-syarat kontrak.

3.5.2. Menjalankan kerja-kerja penyenggaraan kolam tadahan secara berkala terutama apabila hampir musim tengkujuh atau musim hujan berpanjangan dan memasang papan tanda amaran bahaya di kolam tadahan.

MAJLIS PERBANDARAN TAIPING

4. PENGURUSAN ZOO TAIPING

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Zoo Taiping dan *Night Safari* Zoo Taiping merupakan satu daripada 8 jabatan yang diurus dan diselenggarakan oleh Majlis Perbandaran Taiping (MPT). Jabatan Zoo telah dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan urusan dan aktiviti yang diketuai oleh Pengarah Zoo Taiping. Ia merupakan antara 10 ikon pelancongan di negeri Perak dan berperanan dalam memberikan sumbangan kepada aktiviti rekreasi, pembelajaran, pendidikan serta penyelidikan. Misi Zoo Taiping adalah untuk menjadi satu produk pelancongan yang utama di Negeri Perak dan Malaysia amnya dengan menyediakan pameran-pameran haiwan yang ulung dan persekitaran ala alam semula jadi demi mencapai objektif pembelajaran, rekreasi, konservasi, penyelidikan dan latihan. Zoo Taiping atau Taman Mergastua Sultan Idris Shah merupakan satu-satunya zoo yang terletak di Utara Semenanjung Malaysia dan yang tertua di Malaysia ini dirasmikan pada 7 Mac 1964. Zoo Taiping yang berkeluasan 36 ekar telah memulakan pembaharuan dengan memperkenalkan pameran haiwan menggunakan konsep terbuka yang mengutamakan habitat asal haiwan. Zoo Taiping kini menjadi tempat habitat kepada lebih kurang 1,800 ekor haiwan terdiri daripada lebih 140 spesies ikan, burung, reptilia dan mamalia. Ia turut menjalankan program pembiakan dan konservasi hidupan liar dan telah berjaya membiakkan beberapa spesies haiwan. Zoo Taiping juga telah memperkenalkan program ‘Safari Malam’ atau *Night Safari* yang mempamerkan haiwan-haiwan yang aktif pada waktu malam (nokturnal) dan telah bermula sejak bulan Mac 2003 lagi.

4.1.2. Sumbangan yang diterima daripada Kerajaan dan orang awam untuk pengurusan Zoo Taiping telah diakaunkan ke Akaun Projek Khas Zoo, MPT. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, maklumat penerimaan dan perbelanjaan bagi Akaun tersebut adalah seperti di **Jadual 4.1** berikut:

Jadual 4.1

Penerimaan Dan Perbelanjaan Bagi Projek Khas Zoo Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Baki Awal Tahun (RM)	Amaun Diterima (RM)	Amaun Dibelanjakan (RM)	Baki Akhir Tahun (RM)
2011	183,934	264,265	440,846	7,352
2012	7,352	565,602	567,683	5,272
2013	5,272	211,220	160,643	55,849
Jumlah	196,588	1,041,087	1,169,172	68,473

Sumber: Ringkasan Laporan Tahunan Amanah Individu Zoo Taiping

4.1.3. Pengauditan Zoo ini pernah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Perak Tahun 2004. Beberapa kelemahan telah dilaporkan dan pihak Audit telah mengesyorkan beberapa tindakan penambahbaikan yang perlu diambil oleh pihak Zoo Taiping. Antara kelemahan yang dilaporkan ialah rekod pergerakan haiwan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini, rekod pelupusan haiwan tidak diselenggara, bayaran bekalan makanan tidak mengikut harga kontrak dan tidak mengikut kuantiti sebenar. Selain itu, daftar stok perubatan tidak diselenggara, ubat terkawal disimpan di dalam almari tetapi stok tidak direkodkan serta laporan kerosakan kandang dan kemudahan awam hanya dibuat secara lisan dan tiada rekod diselenggara. Berdasarkan kajian yang dijalankan pada tahun 2014 ini, didapati masih terdapat isu-isu yang berulang.

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan adalah untuk menilai sama ada pengurusan Zoo Taiping telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta mencapai matlamatnya.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aktiviti pengurusan haiwan, pembangunan serta kemudahan yang disediakan untuk pengunjung dan kawasan penempatan haiwan, pengurusan kewangan, promosi dan perkara-perkara lain yang berkaitan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013. Kaedah pengauditan ialah menyemak dokumen dan fail-fail yang berkaitan, lawatan ke persekitaran Zoo Taiping dan meninjau keadaan haiwan yang dipelihara serta temu bual dengan pegawai terlibat.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari hingga Mac 2014 mendapati pengurusan Zoo Taiping dari segi promosi dan kedatangan pengunjung adalah memuaskan. Bagaimanapun aspek pengurusan haiwan dan dokumentasi, kemudahan, keselamatan dan pengurusan kewangan di Zoo Taiping adalah kurang memuaskan. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Dokumentasi program pertukaran dan sumbangan haiwan tidak lengkap dan kemas kini.
- Pembayaran bekalan makanan melebihi had kontrak dan kuantiti dibekalkan kurang daripada yang dibayar.
- Kemudahan infrastruktur zoo dan kemudahan-kemudahan awam tidak disenggara secara berjadual.

- Keselamatan bangunan dan kawasan zoo kurang memuaskan kerana tiada kawalan terhadap kenderaan keluar masuk, pintu belakang tidak dikunci dan tiada pemasangan CCTV.
- Terdapat perbezaan kutipan parkir antara dua sistem dokumentasi yang diselenggara.

4.4.1. Pengurusan Haiwan

4.4.1.1. Program Pertukaran Dan Sumbangan Haiwan

Perkara 1.43.85 hingga 1.43.86 Garis Panduan Standard Zoo Malaysia (Pengendalian Zoo) antaranya menyebut sebarang bentuk perolehan dan perdagangan hidupan liar perlu mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa dan mematuhi semua peruntukan undang-undang dalam negeri dan antarabangsa yang berkaitan. Zoo boleh memperolehi spesies hidupan liar dengan membeli melalui sumber yang sah atau melalui program pertukaran hidupan liar dengan kebenaran pihak berkuasa. Bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 5 program pertukaran haiwan yang dijalankan dengan pelbagai agensi/syarikat, sebanyak 9 sumbangan daripada agensi telah diterima dan 38 haiwan diterima daripada sumbangan awam. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut:

- a. Sebanyak 9 spesies haiwan telah terlibat dalam program pertukaran dari tahun 2011 hingga 2013. Bagaimanapun sehingga ke tarikh akhir pengauditan, didapati 3 spesies haiwan masih belum diterima manakala 2 spesies burung lagi masih belum dihantar kepada pihak yang terlibat. Maklumat lanjut mengenai program pertukaran tersebut adalah seperti di **Jadual 4.2. Mengikut maklum balas bertarikh 25 Mac 2014, 2 ekor Black Swan telah diterima pada 17 Mac 2014. Manakala 3 ekor Marmoset Telinga Putih telah dibatalkan pertukaran oleh pihak Underwater World Langkawi memandangkan nilai pertukaran yang tidak setara dan burung-burung yang belum dihantar adalah disebabkan pihak Underwater World Langkawi ingin mengurangkan jumlah burung yang asalnya diminta.**

Jadual 4.2
Program Pertukaran Haiwan Yang Belum Diterima Dan Dihantar

Tahun	Syarikat	Spesies Haiwan		Catatan
		Dihantar Oleh Zoo Taiping	Diterima Di Zoo Taiping	
Jun 2011	CK Pets	4 ekor <i>Agile Wallaby</i>	1 <i>Scarlet Ibis</i> 10 <i>Carolina Wood Duck</i>	Sehingga kini Scarlet Ibis Masih Belum Diterima
April 2013	i. Pertubuhan Peladang Kawasan Sinar Bahagia, Jitra, Kedah ii. Penang Bird Park Sdn. Bhd.	8 ekor Rusa Axis	2 ekor <i>Black Swan</i>	<ul style="list-style-type: none"> Melibatkan 3 pihak. Kelulusan pertukaran Rusa Axis adalah 6 ekor tetapi dihantar 8 ekor. Rekod penerimaan hanya 5 ekor yang diterima. Manakala 2 ekor Black Swan telah diterima pada 17 Mac 2014 setelah teguran Audit.
Januari 2014	Underwater World Langkawi	a) 10 ekor Burung Bangau b) 10 ekor Burung Kuak	5 ekor Memerang Kecil 3 ekor Marmoset Telinga Putih	<ul style="list-style-type: none"> Kedua-dua jenis burung masih belum dihantar. Marmoset Telinga Putih telah dibatalkan pertukaran kerana ketidaksetaraan nilai pertukaran. Pihak zoo sedang meneliti kesesuaian semula pertukaran.

Sumber: Fail Pertukaran Dan Sumbangan Binatang

- b. Semakan terperinci Audit terhadap satu program pertukaran yang melibatkan 3 pihak iaitu Zoo Taiping, Pertubuhan Peladang Kawasan Sinar Bahagia (PPKSB) dan Bird Park Penang Sdn. Bhd. (BPPSB) mendapati Yang Dipertua Majlis (YDP) bersetuju dengan pertukaran sebanyak 6 ekor Rusa Axis dihantar kepada PPKSB dengan balasan sebanyak 2 ekor Black Swan yang dicadangkan oleh pihak Zoo Taiping yang diperolehi daripada BPPSB. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bilangan penghantaran rusa Axis kepada PPKSB adalah 8 ekor. Manakala pengesahan oleh pihak Audit dengan pihak PPKSB mendapati penerimaan Rusa Axis adalah hanya 5 ekor. Manakala 3 ekor lagi tidak dapat disahkan penerimanya.

4.4.2. Tiada Kelulusan Pihak Berkuasa Berkenaan Terhadap Penyimpanan Haiwan Daripada Sumbangan Awam

4.4.2.1. Garis Panduan Standard Zoo Malaysia (Pengendalian Zoo) antaranya menetapkan bahawa Zoo yang menerima serahan hidupan liar oleh orang awam hendaklah dilaporkan kepada pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar Dan Taman Negara (PERHILITAN) serta memohon kebenaran bertulis daripadanya jika ingin menyimpan hidupan liar tersebut. Semakan Audit mendapati 31 daripada 38 ekor haiwan

yang diterima daripada sumbangan awam telah diserahkan kepada PERHILITAN manakala 7 ekor haiwan lagi masih disimpan di Zoo Taiping. Sehingga tarikh akhir pengauditan, tiada permohonan mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada PERHILITAN dibuat bagi menempatkan 7 ekor haiwan berkenaan di Zoo Taiping. Butiran terperinci mengenai haiwan yang masih berada di Zoo Taiping adalah seperti di **Jadual 4.3.**

Jadual 4.3

Sumbangan Awam Yang Masih Disimpan Di Zoo Taiping

Bil.	Jenis Haiwan	Tarikh Diterima	Bilangan (Ekor)	Penempatan
1.	Kongkang	12.08.13	1	Bilik Kuarantin
2.	Civet Cat	05.08.13	1	Bilik Kuarantin
3.	Ular Sawa	25.09.13	1	Bilik Kuarantin
4.	Hedgehog	14.10.13	2	Bilik Kuarantin
5.	Elephant Trunk Snake	17.10.13	1	Kandang Iguana
6.	Iguana Merah	06.11.13	1	Bilik Kuarantin

Sumber: Fail Sumbangan Awam

4.4.2.2. Mengikut maklum balas bertarikh 25 Mac 2014 dan 8 Mei 2014, untuk menambah baik perkara ini satu proses kerja untuk penerimaan dan sumbangan daripada pihak awam telah disediakan mulai 17 Mac 2014. Untuk haiwan yang ingin diserahkan di Zoo Taiping & *Night Safari* permohonan untuk mendapatkan kelulusan akan dibuat. Pihak Majlis juga telah menujuhkan Jawatankuasa Penasihat Pengurusan Zoo yang keahliannya terdiri daripada Ahli Majlis, Pengarah Jabatan Perhilitan Perak, Ketua Eksekutif Tourism Perak, Ketua Audit Dalam Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perak dan Ketua Jabatan Majlis Perbandaran Taiping. Sebarang permohonan pertukaran akan dibentangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa ini.

4.4.3. Rekod Sebenar Haiwan Tidak Dapat Disahkan

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 6 Tahun 2008 mengenai Tatacara Pengurusan Aset Hidup Kerajaan menyatakan dengan jelas mengenai objektif pendaftaran haiwan iaitu bertujuan mewujudkan pangkalan data yang lengkap, tepat dan kemas kini, memudahkan pengesanan dan pemantauan, membolehkan status semasa dan transaksi haiwan diketahui serta memudahkan penjagaan, pemeriksaan dan pelupusan haiwan. Selain itu, Perkara 9(2)(d), Peraturan-peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pengendalian Zoo) hendaklah menanda dan merekodkan setiap kelahiran hidupan liar di zoo manakala Seksyen 9(2)(e) pula menyatakan hendaklah menyenggara dan menyimpan rekod mengenai semua perkara yang berhubung dengan pengurusan setiap hidupan liar di zoo. Semakan Audit terhadap rekod dan daftar haiwan Zoo Taiping mendapati perkara-perkara seperti berikut:

4.4.3.1. Zoo Taiping telah menggunakan sistem *Zoological Information Management System* (ZIMS) yang diselenggara secara *online* sebagai pangkalan data yang merekodkan maklumat haiwan di Zoo Taiping. Sistem ini boleh dilihat oleh zoo lain di seluruh dunia untuk mengetahui maklumat haiwan yang ada di Zoo Taiping. Antara

maklumat penting yang perlu dikemaskini dalam Sistem ini ialah nama spesies, jantina, tarikh terima, tarikh mati dan nombor cip haiwan. Zoo Taiping juga ada menyelenggara *Master Inventory* yang diselenggara oleh Penolong Kurator bertujuan untuk merekodkan jumlah haiwan yang terdapat di Zoo Taiping. Semakan Audit terhadap jumlah haiwan setakat 31 Disember 2013 yang direkodkan di Sistem ZIMS berbeza dengan *Master Inventory* sejumlah 460 ekor seperti di **Jadual 4.4**.

Jadual 4.4
Perbezaan Rekod Haiwan

Rekod	Bilangan Haiwan	Perbezaan
Sistem ZIMS	1,295	460
<i>Master Inventory</i>	1,755	

Sumber: *Master Inventory List* dan Laporan Daripada Sistem ZIMS

4.4.3.2. Buku *Treatment Record* antaranya merekodkan maklumat *symptom* dan tarikh kematian serta rawatan harian. Manakala *Post-Mortem Report* merekodkan maklumat antaranya tarikh, punca kematian serta laporan hasil bedah siasat yang dijalankan oleh Pegawai Veterinar. Semakan Audit terhadap tarikh kematian mendapati wujud perbezaan di antara kedua-dua rekod seperti di **Jadual 4.5**. Ini berlaku kerana tiada koordinasi proses kerja di antara Unit Veterinar dan Penolong Kurator menyebabkan rekod kematian adalah berbeza antara *Treatment Record*, *Post-Mortem Report* dengan Rekod Pergerakan Haiwan.

Jadual 4.5
Perbezaan Rekod Haiwan

Tahun	Jenis Perbezaan	Bilangan Haiwan
2011	Tarikh Perekodan/No. Mikrocip	2
	Kematian Tidak Direkod	2
2012	Tarikh Perekodan/No. Mikrocip	1
	Kematian Tidak Direkod	15
2013	Tarikh Perekodan/No. Mikrocip	3
	Kematian Tidak Direkod	15
Jumlah Perbezaan		38

Sumber: *Treatment Record*, *Post-Mortem Report* dan Rekod Pergerakan Haiwan

4.4.3.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mac 2014 dan 8 Mei 2014, sebagai langkah penambahbaikan dalam sistem merekodkan pergerakan haiwan, satu buku rekod daftar haiwan telah diwujudkan dan diguna pakai. Setiap pergerakan haiwan akan direkodkan dalam buku rekod ini dan dikemas kini setiap kali ada haiwan keluar dan masuk. Selain itu, rekod-rekod Pegawai Veterinar dan Penolong Kurator telah diselaraskan di mana kedua-dua rekod ini telah ada koordinasi. Sistem makluman secara bertulis di antara 2 unit ini juga diwujudkan. Penyelarasaran rekod ini telah dibuat pada bulan April 2014 melibatkan 2 orang pegawai dan semakan dibuat setiap bulan.

4.4.4. Tanda Pengenalan Haiwan Tidak Dibuat Secara Menyeluruh

4.4.4.1. Zoo Taiping menggunakan kaedah mikrocip dan pengenalan secara *ring* atau *leg band* di kaki untuk mengenal pasti haiwan secara fizikal. Bagaimanapun, tidak semua haiwan diberi tanda pengenalan. Ketiadaan tanda pengenalan menyukarkan proses mengenal pasti haiwan apabila berlaku kematian, pelupusan, rawatan kesihatan dan sebagainya. Semakan Audit terhadap proses pengenalan haiwan dengan penggunaan mikrocip mendapati hanya haiwan yang bernilai tinggi sahaja yang akan dimasukkan mikrocip. Mengikut rekod di Unit Veterinar bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013, sebanyak 109 haiwan telah dimasukkan mikrocip. Namun, pihak Audit tidak dapat memastikan bilangan haiwan yang masih belum dimasukkan mikrocip.

4.4.4.2. **Mengikut maklum balas bertarikh 25 Mac 2014, sebagai penambahbaikan, program penandaan haiwan (*animal ID*) akan dilaksanakan pada satu hari setiap bulan supaya haiwan-haiwan di zoo diberi penandaan secara berperingkat dengan objektif menandakan semua haiwan yang berada di dalam kurungan. Untuk haiwan yang bebas di dalam kawasan zoo adalah lebih rumit dan mungkin mengambil masa yang lebih lama. Program penandaan haiwan telah diadakan mulai 16 April 2014. Dalam tempoh Januari hingga April 2014 sejumlah 15 binatang telah diberi tanda pengenalan. Perbezaan bilangan haiwan yang masih belum diberi penandaan pengenalan adalah kebanyakan jenis burung dan ikan.**

Pada pendapat Audit prestasi pengurusan haiwan kurang memuaskan kerana dokumentasi berkaitan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

4.4.5. Pengurusan Makanan Haiwan

4.4.5.1. Jumlah Kos Makanan Tahunan Melebihi Daripada Nilai Kontrak

- a. Bagi tempoh tahun 2012 sehingga Mac 2013, sebanyak 4 kontraktor telah dipilih dan dilantik untuk membekalkan pelbagai jenis makanan untuk haiwan di Zoo Taiping. Semakan terperinci terhadap 2 kontraktor iaitu Sri KB Enterprise dan Yakin Kukuh Enterprise mendapati jumlah bayaran yang dibuat kepada Sri KB Enterprise mempunyai perbezaan nilai kontrak yang sangat ketara dengan perbezaan masing masing berjumlah RM0.41 juta dan RM0.45 juta pada tahun 2011 dan 2012 seperti di **Jadual 4.6** iaitu antara RM0.03 juta ke RM0.04 juta sebulan. Ini menyebabkan jumlah bayaran bekalan bagi makanan berjumlah RM0.96 juta kepada Sri KB Enterprise Sdn. Bhd. bagi bulan Disember 2012 terpaksa dibayar melalui Akaun Amanah Khas Zoo kerana vot bekalan makanan di bawah peruntukan mengurus Zoo tidak mencukupi.

Jadual 4.6
Perbezaan Harga Kontrak Dan Bayaran

Tahun	Harga Kontrak (RM Juta)	Jumlah Bayaran (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)
2012	0.67	1.08	0.41
2013	0.67	1.12	0.45

Sumber: Dokumen Tender dan Baucer Bayaran

- b. **Maklum balas bertarikh 25 Mac 2014 menyatakan harga kontrak yang ditawarkan adalah menggunakan anggaran kuantiti yang lama dan perlu dikemas kini.** Maklumat bilangan haiwan dan usia yang digunakan semasa penyediaan anggaran bekalan makanan adalah data pada tahun 2002. Untuk mengatasi masalah ini, pihak Zoo telah membuat penambahbaikan di mana *diet sheet* telah dikemas kini bagi memastikan setiap haiwan akan mendapat jumlah makanan yang mencukupi dan anggaran keperluan harian dan bulanan yang lebih tepat dapat disediakan. Perkara-perkara ini telah diambil kira dalam penyediaan tender untuk tahun 2014 yang telah diiklan pada 5 Februari 2014. Pihak Majlis telah mewujudkan Jawatankuasa Penyediaan Dokumen Tender untuk menilai semula perkara ini supaya dokumen tender yang lengkap disediakan.

4.4.5.2. Bayaran Tidak Mengikut Kuantiti Sebenar Diterima

- a. Perenggan 10, spesifikasi untuk bekalan makanan ke Jabatan Zoo, MPT menyatakan setiap kali bekalan dihantar, 3 salinan borang penghantaran mesti digunakan dan sesalinan akan disimpan oleh pembekal (kontraktor), 1 salinan kepada pihak penerima Zoo Taiping dan 1 salinan kepada Pejabat Pentadbiran Zoo Taiping.
- b. Semakan Audit terhadap baucar bayaran MPT untuk pembekalan makanan bagi 2 kontraktor yang dipilih mendapati wujud perbezaan antara Penyata Tuntutan Bulanan Kontraktor yang dikemukakan oleh kontraktor dengan Jadual Harian Pesanan Dan Penerimaan Bekalan Makanan Ternakan Ke Zoo Taiping. Pihak Audit mendapati bayaran yang dibuat tidak mengikut kuantiti sebenar yang diterima kerana pembayaran telah dibuat mengikut Penyata Tuntutan Bulanan Kontraktor. Maklumat lanjut mengenai perbezaan adalah seperti di **Jadual 4.7**.

Jadual 4.7
Perbezaan Jadual Bekalan Makanan Harian Pada Baucar Bayaran Berbanding Jadual Penerimaan Makanan di Dapur Zoo Taiping

Nama Pembekal	Tarikh Bekalan	Jenis Makanan	Kuantiti Dibaucar	Kuantiti Diterima	Beza	Lebih Bayar (RM)
Sri KB Enterprise	28.1.2012	Daging Lembu Ais	175 kg	170 kg	5 kg	43.75
	27.2.2012	Rumput Napier	700 kg	70 kg	630 kg	144.90
	22.3.2012	Kobis	2 kg	Tiada catatan	2 kg	4.40
	22.6.2012	Sawi	10.5 kg	10 kg	0.5 kg	1.08
	9.10.2012	Rumput Napier	900 kg	800 kg	100 kg	23.00
	25.11.12	Batang Pisang	30 btg	3 btg	27 btg	21.06
	18.11.12	Sawi	10.5 kg	10 kg	0.5 kg	1.08
	10.4.2013	Oten Hay	1,500 kg	Tiada catatan	1,500 kg	3,000.00

Nama Pembekal	Tarikh Bekalan	Jenis Makanan	Kuantiti Dibaucar	Kuantiti Diterima	Beza	Lebih Bayar (RM)
	20.4.2013	Bijirin Burung	25 kg	Tiada catatan	25 kg	60.00
	11.9.2013	Sawi	10.5 kg	1.5 kg	9 kg	19.35
Jumlah						3,319
Yakin Kukuh Enterprise	6.1.2012	Udang Kecil Laut	1.5 kg	0.5 kg	1 kg	4.86
	11.3.2012	Pisang Emas	30 kg	3 kg	27 kg	45.36
	2.3.2012	Daun Ubi Kayu	30 kg	3 kg	27 kg	13.23
	25.5.2012	Daun Ubi Kayu	30 kg	3 kg	27 kg	13.23
	9.1.2013	Daun Ubi Kayu	30 kg	3 kg	27 kg	13.23
	2.1.2013	Anak Ayam	150 ekor	50 ekor	100 ekor	55.00
	7.4.2013	Daun Keduduk	50 kg	Tiada catatan	50 kg	29.50
	17.8.2013	Udang Kecil Laut	1.5 kg	0.5 kg	1 kg	4.85
	17.8.2013	Daun Ubi Kayu	30 kg	Tiada catatan	30 kg	145.50
	29.11.2013	Udang Kecil Laut	1.5 kg	0.5 kg	1 kg	4.85
Jumlah						279
Jumlah Besar						3,598

Sumber: Dokumen Kontrak dan Baucar Bayaran

4.4.5.3. Mengikut maklum balas bertarikh 25 Mac 2014 dan 8 Mei 2014, pihak Majlis mengambil maklum bahawa ada kelemahan dalam proses penerimaan bekalan makanan. Langkah-langkah penambahbaikan telah diambil mulai bulan Februari 2014 di mana terdapat penambahan 4 orang kakitangan baru pada 2 Mac 2014 untuk menerima dan memeriksa penghantaran makanan. Selain itu, syarat-syarat tender baru yang lebih ketat dikenakan kepada kontraktor dan pihak kontraktor juga perlu menghantar *delivery order* semasa penghantaran bekalan makanan. Pihak Majlis juga telah mendokumentkan proses penerimaan bekalan makanan sebagai proses ISO bagi memantapkan lagi proses penerimaan bekalan makanan. Prosedur ini telah disemak oleh Juruaudit MS ISO MPT pada 3 April 2014.

Pada pendapat Audit pengurusan pembekalan makanan haiwan adalah tidak memuaskan kerana pembayaran bekalan makanan telah melebihi nilai kontrak dan kuantiti yang dibekalkan kurang daripada yang dibayar.

4.4.6. Kemudahan Infrastruktur Dan Kemudahan Lain Di Zoo Taiping

Perkara 1.43.59, Garis Panduan Standard Zoo Malaysia (Pengendalian Zoo) menyatakan sesebuah Zoo berperanan sebagai pusat rekreasi untuk orang awam dengan memberikan impak yang minima kepada hidupan liar. Keadaan zoo hendaklah selesa dan mempunyai kemudahan asas yang sempurna untuk meningkatkan nilai rekreasi bagi pelawat. Manakala Peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pengendalian Zoo) 2012 menggariskan supaya pemilik Zoo menitikberatkan kebijakan hidupan liar, antaranya menyediakan saiz kurungan yang bersesuaian dan menyediakan kawasan kuarantin.

4.4.6.1. Saiz Kandang Kurungan Tidak Mengikut Peraturan Yang Berkuatkuasa

- a. Jadual (Peraturan 4) Saiz Kurungan, Peraturan-peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pengendalian Zoo) (Pindaan) 2013 menetapkan saiz minimum kurungan yang perlu dipatuhi. Semakan Audit terhadap rekod dan dokumen di Zoo Taiping mendapati bilangan kandang yang masih tidak mematuhi peraturan telah berkurangan daripada 34 kurungan pada tahun 2012 menjadi 3 kurungan pada tahun 2013. Senarai kandang yang masih tidak mematuhi peraturan tersebut adalah seperti di **Jadual 4.8**.

Jadual 4.8
Senarai Kandang Yang Tidak Mematuhi Peraturan

Bil.	Spesies	Kawasan Pameran		Kawasan Kurungan					
		Saiz Min (m ²)	Saiz Di Zoo Taiping (m ²)	Panjang (m ²)		Lebar (m ²)		Tinggi (m ²)	
		Saiz Min	Zoo Taiping	Saiz Min	Zoo Taiping	Saiz Min	Zoo Taiping	Saiz Min	Zoo Taiping
1.	Kucing Tulap	80	53.75	2.5	3.0	2.5	1.8	2.5	3.0
2.	Kucing Hutan	30	39.8	2.0	2.0	2.0	1.1	2.5	2.9
3.	Harimau Kumbang	200	95.9	3.0	3.8	3.0	2.1	2.5	2.6

Rekod: Zoo Taiping

- b. **Mengikut maklum balas bertarikh 25 Mac 2014 dan 8 Mei 2014, kandang Harimau Kumbang dijangka akan dibina pada penghujung tahun ini dengan menggunakan peruntukan NCIA di tapak kandang Hyena lama, dan kandang Harimau Kumbang pula akan dinaik taraf untuk mempamerkan Kucing Tulap. Bagi menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang baik dan lengkap, Zoo Taiping memerlukan satu peruntukan yang besar untuk menaiktaraf Zoo sedia ada. Majlis telah memperuntukkan sejumlah RM6.5 juta setahun bagi pengurusan dan pembangunan Zoo. Dengan peruntukan yang disediakan oleh Majlis dan sumbangan Kerajaan Negeri sejumlah RM150,000 setahun kerja-kerja penambahbaikan dan menaiktaraf Zoo hanya dapat dibuat secara berperingkat. Berdasarkan kajian yang dibuat pada 2011 untuk mentransformasikan Zoo Taiping sebagai Zoo bertaraf antarabangsa, seramai 180 orang kakitangan diperlukan untuk mengendalikan Zoo. Dengan usahama pihak NCIA, satu pelan pembangunan Zoo juga sedang dirangka dan dijangka siap pada tahun 2015.**

4.4.6.2. Bilik Autopsy Tidak Digunakan

Bilik Autopsy telah siap sepenuhnya pada 26 November 2011 dengan kos sejumlah RM0.08 juta daripada peruntukan Kementerian Sains, Teknologi Dan Alam Sekitar. Antara kemudahan yang disediakan di Bilik Autopsy ialah tempat pembakaran bangkai haiwan, bilik sejuk untuk menyimpan bangkai haiwan dan tempat *post-mortem* bagi haiwan yang telah mati. Semakan Audit di Bilik tersebut mendapati perkara berikut:

a. Tempat Pembakaran Bangkai Haiwan Telah Rosak

Peraturan 5, Peraturan-peraturan Pemuliharaan Hidupan Liar (Pelupusan) 2013 antaranya menyatakan sekiranya hidupan liar mati disebabkan penyakit berjangkit sebagaimana yang disahkan oleh Doktor Veterinar, ia bolehlah dilupuskan dengan kelulusan pegawai pelesen dengan cara dibakar dalam suatu tempat pembakaran atau cara lain sebagaimana yang ditentukan oleh pihak berkuasa veterinar. Tinjauan Audit di tempat pembakaran haiwan mendapati tempat pembakaran telah rosak seperti di **Gambar 4.1**. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan tarikh sebenar kerosakan tersebut berlaku kerana tiada dokumen berkenaan dikemukakan untuk tujuan pengauditan.



**Gambar 4.1
Tempat Pembakaran Bangkai
Haiwan Rosak**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Autopsy
Tarikh: 18 Februari 2014

b. Bilik Sejuk Rosak

Bilik sejuk yang disediakan bertujuan untuk menyimpan bangkai haiwan yang telah mati. Pihak Audit dimaklumkan oleh pihak Zoo Taiping bahawa bilik sejuk tersebut tidak pernah digunakan dan telah rosak. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat memastikan tarikh sebenar kerosakan berlaku kerana tiada dokumen berkenaan dikemukakan untuk tujuan pengauditan. **Gambar 4.2** dan **Gambar 4.3** adalah berkaitan.

**Gambar 4.2
Bilik Sejuk Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Autopsy
Tarikh: 18 Februari 2014

**Gambar 4.3
Bilik Sejuk Rosak**



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Autopsy
Tarikh: 18 April 2014

c. **Ruang Post Mortem Tidak Digunakan**

Bangkai haiwan yang telah mati perlu dibuat bedah siasat (*post mortem*) oleh Pegawai Veterinar untuk mengetahui punca sebenar kematian haiwan tersebut. Hasil tinjauan Audit mendapati ruang (*post mortem*) yang disediakan tidak digunakan seperti di **Gambar 4.4**. Selain itu, adalah diperhatikan meja yang disediakan di ruang tersebut tidak sesuai kerana tiada lubang untuk saluran darah di meja tersebut seperti di **Gambar 4.5**. Lawatan susulan Audit pada 18 April 2014 mendapati meja bedah yang bersesuaian telah diganti seperti di **Gambar 4.6**.



Gambar 4.4
Ruang Post Mortem Berhabuk

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Autopsy
Tarikh: 18 Februari 2014



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Autopsy
Tarikh: 18 Februari 2014

Gambar 4.6
Meja Bedah Telah Diganti



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Autopsy
Tarikh: 18 April 2014

d. **Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mac 2014, tindakan seperti berikut telah diambil:**

- i. **Bilik Bedah telah dibersihkan dan laporan mengenai kerosakan telah dimajukan kepada Jabatan Kejuruteraan pada 21 Mac 2014 untuk tujuan penambahaikan. Kerja-kerja pembaikan dijangka bermula dalam bulan April 2014.**
- ii. **Laporan membaiki Bilik Sejuk telah diserahkan kepada Jabatan**

Kejuruteraan pada 21 Mac 2014. Kerja-kerja pembetahan dijangka bermula dalam bulan April 2014.

- iii. **Ruang post-mortem telah dibersihkan dan meja yang sesuai telah digantikan di ruang ini.**

e. **Bilik Pembedahan Tidak Boleh Digunakan Secara Optimum**

Semakan Audit mendapati Zoo Taiping telah menyediakan Hospital Haiwan dengan menyediakan kemudahan Bilik Pembedahan. Bagaimanapun, kemudahan bilik pembedahan tersebut tidak boleh digunakan secara optimum kerana tidak sesuai bagi haiwan yang berat dan besar. Akses masuk ke hospital bertangga, lebar jalan menghala ke Bilik Pembedahan sempit iaitu hanya 4.5 kaki. Manakala akses masuk ke Bilik Pembedahan perlu melalui Bilik Rawatan terlebih dahulu dan meja pembedahan yang disediakan di dalam Bilik Pembedahan adalah kecil dan tidak sesuai untuk haiwan besar. **Gambar 4.7** hingga **Gambar 4.10** adalah berkaitan.

Gambar 4.7
Pintu Hospital Bertangga



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hospital Haiwan
Tarikh: 17 Februari 2014

Gambar 4.8
Lebar Laluan Jalan Sempit



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hospital Haiwan
Tarikh: 17 Februari 2014

Gambar 4.9
Bilik Pembedahan Di Dalam Bilik Rawatan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hospital Haiwan
Tarikh: 17 Februari 2014

Gambar 4.10
Meja Pembedahan Kecil



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hospital Haiwan
Tarikh: 17 Februari 2014

4.4.6.3. Kemudahan Di Dapur Kurang Memuaskan

- a. Perkara 1.43.70 Garis Panduan Standard Zoo Malaysia (Pengendalian Zoo) menyatakan setiap operator zoo perlu memastikan stor penyimpanan dan penyediaan makanan hidupan liar berada dalam keadaan bersih, diselenggara dan dilengkapi kemudahan peralatan untuk penyediaan dan penyimpanan makanan kering dan basah. Hasil tinjauan Audit ke dapur Zoo Taiping mendapati dapur pemunggahan makanan tidak berbumbung, tiada stor penyimpanan makanan kering untuk daun-daun disediakan sebaliknya makanan kering dibiarkan di atas jalan raya dan penimbang makanan yang digunakan tidak sesuai untuk menimbang daun-daun. Pihak Audit juga mendapati satu *chiller* di dapur telah rosak. Bagaimanapun, hasil lawatan susulan Audit pada 18 April 2014 mendapati penimbang daun telah diganti dengan penimbang yang bersesuaian. **Gambar 4.11** hingga **Gambar 4.15** adalah berkaitan.

Gambar 4.11
Dapur Pemunggahan Tidak Berbumbung



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dapur Zoo Taiping
Tarikh: 15 Februari 2014

Gambar 4.12
Tiada Stor Menyimpan Makanan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dapur Zoo Taiping
Tarikh: 15 Februari 2014

Gambar 4.13
Penimbang Tidak Sesuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dapur Zoo Taiping
Tarikh: 17 Februari 2014

Gambar 4.14
Penimbang Tidak Sesuai



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dapur Zoo Taiping
Tarikh: 17 Februari 2014



**Gambar 4.15
Penimbang Telah Diganti**

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dapur Zoo Taiping
Tarikh: 18 April 2014

- b. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mac 2014, pihak Zoo Taiping telah mengemukakan cadangan untuk membina bumbung yang sesuai di kawasan penerimaan daun-daun, serta menambah baik lantainya. Kerja-kerja dijangka bermula bulan Mei 2014 selepas proses sebut harga selesai. Selain itu, alat penimbang digital telah dibeli dan telah digunakan mulai 15 Mac 2014. Manakala *chiller* yang rosak akan diambil tindakan pembaikan di mana laporan kerosakan telah dibuat pada 21 Mac 2014 dan kerja-kerja pembaikan dijangka bermula dalam bulan April 2014.

Pada pendapat Audit penyenggaraan infrastruktur Zoo Taiping kurang memuaskan. Beberapa kemudahan didapati telah rosak antaranya bilik sejuk, bilik *autopsy*, ruang *post mortem* dan bilik pembedahan tidak digunakan secara optimum. Manakala saiz kandang kurungan haiwan kurang sesuai.

4.4.6.4. Kemudahan Awam

Zoo Taiping menyediakan kemudahan asas seperti surau, tandas, papan tanda, laluan pejalan kaki, wakaf dan padang permainan kanak-kanak serta perkhidmatan kereta api mini kepada pengunjung. Selain itu, terdapat parkir yang disediakan serta gerai yang menjual makanan, minuman serta cenderamata. Semakan Audit mendapati beberapa kemudahan yang disediakan telah rosak dan tidak disenggara dengan baik.

- a. Lawatan Audit mendapati 8 daripada 12 wakaf yang dilawati rosak, reput dan bocor. Manakala terdapat kerusi rehat yang disediakan telah berlumut dan rosak. Lawatan susulan Audit pada 18 April 2014 mendapati 5 daripada 8 wakaf yang rosak telah dibaiki. **Gambar 4.16 hingga Gambar 4.18** adalah berkaitan.

Gambar 4.16
Wakaf Rosak Dan Bocor



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zoo Taiping
Tarikh: 30 Januari 2014

Gambar 4.17
Wakaf Telah Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zoo Taiping
Tarikh: 18 April 2014



Gambar 4.18
Kerusi Berlumut Dan Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zoo Taiping
Tarikh: 30 Januari 2014

- b. Kemudahan di taman permainan yang disediakan telah rosak seperti di **Gambar 4.19** dan **Gambar 4.21**. Lawatan susulan Audit pada 18 April 2014 mendapati gelongsor yang rosak sedang disenggara manakala papan jongkang jongkit yang rosak telah dibuang seperti di **Gambar 4.20** dan **Gambar 4.22**.

Gambar 4.19
Gelongsor Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zoo Taiping
Tarikh: 30 Januari 2014

Gambar 4.20
Gelongsor Sedang Disenggara



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zoo Taiping
Tarikh: 18 April 2014

Gambar 4.21
Papan Jongkang Jongkit Rosak



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zoo Taiping
Tarikh: 30 Januari 2014

Gambar 4.22
Papan Jongkang Jongkit Rosak
Telah Dibuang



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zoo Taiping
Tarikh: 18 April 2014

Pada pendapat Audit pengurusan kemudahan awam di Zoo Taiping adalah kurang memuaskan kerana kurang pemantauan dan penyenggaraan berjadual tidak dilaksanakan.

4.4.7. Keselamatan Bangunan Dan Kawasan Zoo Taiping

Sebanyak 3 syarikat kawalan keselamatan telah dilantik untuk menjaga keselamatan di Zoo Taiping. Semakan Audit terhadap aspek keselamatan di Zoo Taiping mendapati perkara berikut:

4.4.7.1. Pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) tidak menyeluruh di mana CCTV hanya dipasang di sekitar kawasan Bangunan Pentadbiran, Dapur dan Bengkel. Bagaimanapun tiada CCTV dipasang di kawasan bilik kuarantin dan hospital. Pihak Audit juga mendapati siling di hospital haiwan telah roboh dan pintu masuk hospital melalui bangunan kuarantin telah rosak. Selain itu, pintu bilik di dalam hospital tidak berkunci kecuali pintu bilik Pegawai Veterinar dan Penolong Veterinar. Bagaimanapun, hasil lawatan susulan Audit pada 18 April 2014 mendapati siling di hospital haiwan telah dibaiki dan CCTV telah dipasang. **Gambar 4.23** hingga **Gambar 4.25** adalah berkaitan.

Gambar 4.23
Siling Roboh



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hospital Haiwan Zoo Taiping
Tarikh: 17 Februari 2014

Gambar 4.24
Siling Dibaiki



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hospital Haiwan Zoo Taiping
Tarikh: 18 April 2014



Gambar 4.25
Pintu Masuk Rosak

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Hospital Haiwan Zoo Taiping
Tarikh: 17 Februari 2014

4.4.7.2. Pintu pagar utama bagi kenderaan keluar masuk tidak dikawal di mana kenderaan keluar masuk dari luar dan dalam kawasan Zoo Taiping tidak mendaftar di pos keselamatan serta tidak diberi pas masuk walaupun pas masuk ada diselenggara di pos keselamatan seperti di **Gambar 4.26** dan **Gambar 4.27**.

Gambar 4.26
Pagar Utama Zoo Taiping



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Pintu Keluar Zoo Taiping
Tarikh: 18 Februari 2014

Gambar 4.27
Pas Masuk Tidak Digunakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Bilik Pengawal Keselamatan
Tarikh: 18 Februari 2014

4.4.7.3. Tiada sekatan di pintu utama bagi kenderaan yang keluar daripada kawasan Zoo Taiping untuk tujuan pemeriksaan seperti di **Gambar 4.28** dan **Gambar 4.29**.

Gambar 4.28
Kenderaan Dipandu
Di Dalam Kawasan Zoo Taiping



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zoo Taiping
Tarikh: 17 Februari 2014

Gambar 4.29
Kenderaan Kontraktor Dipandu
Masuk Ke Kawasan Zoo Taiping



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kandang Pameran Gajah
Tarikh: 17 Februari 2014

4.4.7.4. Pintu belakang Zoo Taiping bagi tujuan akses bahagian pengambilan sampah iaitu berhampiran jalan raya dan kawasan pameran walabi didapati tidak berkunci dan tiada CCTV seperti di **Gambar 4.30** dan **Gambar 4.31**.

Gambar 4.30
Pintu Belakang Zoo Taiping
Tidak Berkunci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zoo Taiping
Tarikh: 17 Februari 2014

Gambar 4.31
Pintu Belakang Zoo Taiping
Tidak Berkunci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Zoo Taiping
Tarikh: 17 Februari 2014

4.4.7.5 Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mac 2014 dan 8 Mei 2014, perkara berikut telah diambil perhatian:

- a. **Pemasangan CCTV di hospital dan bilik kuarantin telah dilaksanakan pada bulan April 2014.**

- b. **Pintu pagar utama telah dikunci dan setiap kenderaan keluar masuk diperiksa oleh pegawai keselamatan yang bertugas.**
- c. **Pihak Majlis telah melantik pengawal keselamatan swasta bagi kawalan keluar masuk kenderaan di pintu utama kawasan Zoo Taiping pada April 2014.**
- d. **Pintu utama sentiasa dikunci dan pelaksanaan CCTV diluar bangunan Zoo Taiping sedang dikaji kerana melibatkan kos penyenggaraan yang tinggi.**

Pada pendapat Audit keselamatan bangunan dan kawasan Zoo Taiping kurang memuaskan kerana tiada kawalan terhadap kenderaan keluar masuk, pintu belakang tidak dikunci dan pemasangan CCTV tidak menyeluruh.

4.4.8. Pengurusan Kutipan Parkir

4.4.8.1. Kawasan parkir ada disediakan bagi kemudahan pengunjung dengan kadar bayaran RM1.00, RM2.00 dan RM3.00 masing-masing bagi motosikal, kereta, dan bas. Semakan Audit mendapati kutipan parkir bagi tempoh 2011 hingga 2013 adalah berjumlah RM0.75 juta. Semakan selanjutnya terhadap Penyata Kutipan Harian Tiket Zoo yang disediakan oleh Jabatan Penguatkuasa dan Keselamatan dan juga *Delivery Note/Escorting Order* yang disediakan oleh pihak keselamatan bagi tahun 2011 hingga 2013 mendapati perbezaan seperti di **Jadual 4.9**. Bagaimanapun, perbandingan antara penyata kutipan harian tiket Zoo Taiping dan *delivery note/escorting order* bagi Januari 2011 hingga Ogos 2012 tidak dapat dilakukan kerana dokumen yang dikemukakan tidak mencukupi.

Jadual 4.9

Perbezaan Antara Penyata Kutipan Harian Tiket Zoo Dan *Delivery Note/Escorting Order* Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Bulan	Kutipan Berdasarkan		Perbezaan (RM Juta)
		Penyata Kutipan Harian (RM Juta)	<i>Delivery Note/ Escorting Order</i> (RM Juta)	
2011	Januari - Disember	0.18	TM	0.18
	Jumlah	0.18	-	0.18
2012	Januari - Ogos	0.15	TM	0.15
	September - Disember	0.09	0.08	0.01
	Jumlah	0.24	0.08	0.16
2013	Januari	0.25	0.25	-
	Jumlah	0.25	0.25	-
	Jumlah Keseluruhan	0.67	0.33	0.34

Sumber: Penyata Kutipan Harian Tiket Zoo Dan *Delivery Note/ Escorting Order*

** Nota: TM – Tiada Maklumat

4.4.8.2. Menurut penjelasan pegawai bertanggungjawab, antara punca perbezaan adalah kerana pegawai bertugas tidak menyerahkan hasil kutipan selepas tamat waktu bertugas. Bagaimanapun, tindakan untuk mendapatkan kembali hasil kutipan tersebut telah diambil mulai bulan Ogos 2013 dan sehingga tarikh pengauditan dilaksanakan, sejumlah RM6,842 telah diterima. Keadaan ini berlaku adalah disebabkan kurang pemantauan oleh pegawai atasan bagi memastikan setiap pegawai bertugas menyerahkan hasil kutipan mengikut jumlah hasil jualan kupon yang telah dikeluarkan.

4.4.8.3. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mac 2014, penambahbaikan telah dibuat berkuatkuasa bulan September 2013 di mana buku rekod berkaitan pergerakan keluar masuk buku kupon diselenggara dan dipantau. Setiap kali buku kupon diambil dan diserahkan, kerani kaunter akan mencatatkan nombor bilangan (no. siri) kupon yang ada bagi memastikan tiada ketirisan atau penyelewengan berlaku. Siasatan dan tindakan telah pun diambil terhadap anggota yang terlibat dan semua tunggakan hasil kutipan telah pun dijelaskan. Selain itu, pemantauan berterusan daripada pengurusan Unit Trafik sentiasa dijalankan daripada semasa ke semasa bagi mengekang atau menghalang penyelewengan hasil kutipan ini berlaku.

Pada pendapat Audit perbezaan kutipan parkir antara dua sistem dokumentasi perlu diselaraskan.

4.4.9. Promosi, Pendidikan dan Kedatangan Pengunjung

4.4.9.1. Promosi dijalankan adalah bertujuan untuk menarik minat pengunjung untuk melihat sendiri dan mempelajari tentang hidupan liar yang dipamerkan di samping menghargai alam semula jadi. Peranan untuk mempromosikan Zoo Taiping adalah di bawah tanggungjawab Unit Pendidikan Dan Seranta, Jabatan Zoo. Semakan lanjut Audit terhadap aktiviti promosi yang telah dijalankan bagi tempoh tahun 2011 hingga 2013 mendapati Zoo Taiping telah menjalankan pelbagai bentuk promosi menerusi media cetak dan media massa. Antara jenis promosi yang telah dijalankan adalah pengiklanan di radio dan majalah, promosi melalui risalah, *pamphlet* dan *flyers* serta perkhidmatan pengiklanan di *Yellow Pages*. Selain itu, Program Zoorama diadakan pada tahun 2012 bersempena dengan Tahun Melawat Perak. Antara acara yang telah dijalankan adalah pertandingan melukis *photoboard* Zoorama, *mingling clown*, *stage magician*, *fire eater* serta festival taman tasek dan Zoorama. Pihak Zoo juga telah menjalankan promosi bersama pihak hotel dengan menjual tiket *Pre-Printed* dengan menawarkan harga diskaun sebanyak 30%. Antara hotel yang terlibat adalah Hotel Seri Malaysia Taiping, SSL Traders Hotel dan Hotel Taiping Perdana. Setiap pengunjung yang menginap di hotel tersebut akan diberi tiket kemasukan ke Zoo Taiping dengan diskaun sebanyak 30%. Mengikut rekod Zoo Taiping, jumlah pengunjung telah melebihi 700,000 orang pada tahun 2012 dan 2013 dengan kutipan mencecah RM6.52 juta pada tahun 2013 seperti di **Jadual 4.10.**

Jadual 4.10

Perbezaan Jumlah Hasil Bagi Tahun 2011 Hingga 2013

Tahun	Jumlah Pengunjung	Jumlah Hasil (RM Juta)
2011	688,804	6.09
2012	705,770	6.24
2013	700,850	6.52
Jumlah	2,905,424	18.85

Sumber: Zoo Taiping

4.4.9.2. Berdasarkan maklum balas bertarikh 25 Mac 2014, promosi dan pemasaran adalah sangat penting untuk memastikan bilangan pelawat ke zoo sama ada meningkat atau sekurang-kurangnya kekal. Ini adalah kerana terdapat banyak lagi produk-produk pelancongan yang wujud atau baru dibina dan akan menjadi pertandingan untuk pelawat yang sama. Tanpa promosi, ada kemungkinan besar bilangan pelawat ke Zoo Taiping & *Night Safari* akan merosot. Menggunakan pelbagai media dan peluang untuk mempromosi Zoo Taiping & *Night Safari* adalah sangat penting untuk terus mendapatkan bilangan pengunjung yang ramai.

Pada pendapat Audit, promosi dan prestasi kedatangan pengunjung adalah memuaskan.

4.5. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan Zoo Taiping sentiasa berada di tahap yang baik selaras dengan matlamat untuk menjadikan Zoo Taiping sebagai produk pelancongan utama di negeri Perak, Majlis Perbandaran Taiping adalah disyorkan mengambil tindakan berikut:

4.5.1. Mengkaji semula Manual Prosedur Kerja secara menyeluruh bagi meningkatkan pengurusan Zoo Taiping dengan lebih berkesan terutamanya aspek pengurusan haiwan, penyediaan infrastruktur zoo dan kemudahan awam.

4.5.2. Meningkatkan kawalan terhadap pembelian makanan haiwan dengan memastikan bayaran dibuat berdasarkan kontrak dan jumlah kuantiti sebenar yang diterima.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah kurangnya latihan kepada pegawai terlibat serta tidak ada penyeliaan yang berkesan terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh kakitangan bawahan, kontraktor dan vendor. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjelaskan pencapaian objektif aktiviti/program berkenaan serta menjelaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Beberapa Jabatan/Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

Jabatan Audit Negara

Putrajaya
28 April 2014



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA

No. 15, Aras 1-5
Persiaran Perdana, Presint 2
62518 Wilayah Persekutuan Putrajaya

www.audit.gov.my